

MASALAH PENGLAKSANAAN KREDIT PERTANIAN

KEPADA PETANI-PETANI KECIL.

-SATU KAJIAN KHAS KEATAS AKTIVITI

BANK PERTANIAN MALAYSIA -

LATIHAN ILMIAH YANG DIWAJIBKAN UNTUK
KEPERLUAN MENDAPATKAN IJAZAH SARJANA MUDA
SASTERA DALAM JABATAN ANTHROPOLOGI DAN SOSIOLOGI
UNIVERSITI MALAYA.

Oleh

No: Metrik: 20977.

(Funaidah Yahya)

HUSSAIN MOHAMED
Jabatan Antropologi & Sosiologi
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR.

JABATAN ANTHROPOLOGI DAN SOSIOLOGI

UNIVERSITI MALAYA

KUALA LUMPUR

NOVEMBER 1975.

Bilik Sumber

Jabatan Antropologi & Sosiologi
Universiti Malaya

PENGHARGAAN

Di sini saya mengambil kesempatan untuk menyampaikan penghargaan kepada mereka-mereka yang telah sudi memberikan kerjasama, samada secara langsung atau tidak didalam pelaksanaan bagi menyiapkan latihan ilmiah ini.

Setinggi-tinggi ucapan terima kasih khas saya tujukan kepada Penyelia saya Encik Hussain Mohammad, Pensyarah dalam Jabatan Anthropologi dan Sosiologi Universiti Malaya. Di atas nasihat dan tunjuk ajar serta juga cadangan-cadangan membena yang diberikan semasa pengawasan beliau.

Penghargaan seterusnya istemewa saya tujukan kepada Encik Mahmud Mohd. Taib, Pegawai Kemajuan Rancangan Di Bank Pertanian Malaysia, yang telah banyak menghabiskan masa membantu saya dalam menterjemah beberapa artikal-artikal yang berguna, juga telah menolong mendapatkan malumat dan lapuran-lapuran penting serta data-data yang diperlukan untuk kajian ini. Dan memberi kebenaran kepada saya untuk menggunakan buku-buku rujukan di Perpustakaan Bank Pertanian.

Di samping itu saya juga mengucapkan terima kasih kepada Cik Fatimah Awab, Guru Menaip Di Institiut Trengkas Malaysia yang telah sudi menaipkan kajian ilmiah ini.

Tanpa pertolongan dan Kerjasama dari mereka, kemungkinan kajian serupa ini tidak akan dapat dijalankan dengan jayanya.

Sekian.

No:Metrik 20977.

Jabatan Anthropologi Dan Sosiologi,
Universiti Malaya,
Lembah Pantai,
Kuala Lumpur.

Nov. 1975.

KANDUNGAN

	Halaman
PENGHARGAAN :	ii
KANDUNGAN :	iii
SENARAI JADUAL:	vi
SENARAI RAJAH:	vii
SENARAI PETA :	vii
BAB II	
PENDAHULUAN:	
Tujuan Kajian :	1
Bidang dan Pembatasan Kajian:	1
Metode Kajian :	2
Masalah Dalam Menjalankan Kajian:	3
Definisi Konsep	
'Petani Kecil' :	5
BAB I BANK PERTANIAN DAN RANCANGAN-RANCANGAN PEMBIAYAAN	
KREDIT	
Pengenalan:	10
Latar Belakang Bank Pertanian Malaysia:	10
Organisasi Pentadbiran Bank Pertanian Malaysia..	11
Aktiviti-aktiviti dan Rancangan:	13
Sistem Kredit Peneluaran Padi:.....	13
Sistem Kredit Tembakau:.....	15
Rancangan Pinjaman jentera Pertanian:.....	15
Rancangan Pinjaman Perusahaan Tanaman:....	16
Rancangan Pinjaman Perusahaan Perikanan:..	16
Rancangan Pinjaman Pembelian dan Perusahaan	16

	Halaman
Rancangan Pinjaman Perusahaan <u>Pertanian</u>	17
Rancangan Pinjaman Projek <u>Kemajuan Ladang</u>	17
Rancangan Pinjaman Perusahaan <u>Ternakan</u>	18
Rancangan Simpanan Wang :.....	18
Cara-Cara Pinjaman Dibuat:.....	18
BAB II GULUNGAN PETANI-PETANI KECIL DAN KREDIT	-
BAB IV PERTANIAN	
Pengenalan:.....	20
Corak Petani dan Pertanian di Kawasan Muda	20
Perbedaan Aktibiti Penggunaan Tanah	
Antara Beberapa Golongan Petani:.....	25
Pengaruh dan Penguasaan Badan 'Non- Institutional' Dalam Pembinaan Kredit kepada Petani:.....	29
BAB III HALUAN PEMBIAYAAN KREDIT DAN KEMAJUAN YANG TELAH DICAPAI	
Pengenalan:	40
Kemajuan Bank Pertanian Malaysia Antara 1970- 1974 :.....	40
Perbandingan Antara Jenis-Jenis Pinjaman...	44
Ketidak Seimbangan Pembiayaan Pinjaman:....	49
Permohonan-Permohonan Yang Ditolak:.....	56
Lain-lain Sebab:.....	57
Pembelian Tanah:.....	57

Perusahaan Pertanian:.....	57
Ternakan :.....	58
Perikanan:.....	58
Lain-lain Tanaman:.....	58
Perusahaan Ladang:.....	59
BAB IV MASAALAH DALAM PEMBIAYAAN KREDIT:.....	
Pengenalan:.....	60
Projek Yang Dapat Di biyai:.....	60
Masalah Bank Dalam Memberikan Kredit:	61
Masalah Yang Timbul Dalam Pentadbiran	62
Bank sendiri	
Masalah Pembayaran Balik Wang Pinjaman	63
Corak Perkhidmatan Di Cawangan	69
Kajian Perbandingan Yang Di buat Keatas	
Negara-negara lain	71
Turkey:.....	71
Jordan :.....	72
Afghinstan :	72
Chile :	72
Tunisia :	72
Uganda :	73
Indonesia :	73
Thailand :.....	73
Malaysia - Bank Pertanian Malaysia	74
Rumusan:.....	75

BAB V	HALANGAN-HALANGAN PENERIMAAN KREDIT DI KALANGAN PETANI:-	HALAMAN
	Pengalaman	76
	Kekurangan Pengalaman	76
	Pinjaman dan Projek Terlalu Kecil	77
	Ketiadaan Tanah	78
	Cagaran	79
	Pemasaran Hasil Pertanian	81
	Minat Terhadap Petani Di Kalangan Belia	82
	Dedikasi dan Sikap Petani Terhadap Bank Pertanian	84
	Perhubungan antara Petani-Petani Dengan Pegawai Bank Pertanian	86
	Tingkat Pelajaran Petani-Petani	87
	KESIMPULAN DAN PENUTUP	91
	Masaalah Pembayaran Balik Wang Pinjaman	92
	Corak Perkhidmatan Dicawangan	94
	PENUTUP	96
	Lampiran:	
	Bibliografi	97
	Risalah dan Lapuran	99

SINARAI JADUAL

JADUAL

HALAMAN

1. Penggunaan Kredit Bank Pertanian Oleh Petani-Petani Daerah Muda, Melalui Institusi Kredit.	24
2. Pemulangan Bersekh Tahunan Hasil Pinjaman Padi Dua Kali Setahun Untuk Kawasan Pertanian Yang Berbagai Kawasan	30
3. Punca-Punca Kredit Untuk Petani-Petani Kecil Di Tiga Negeri Malaysia	33(a)
4. Hutang-Hutang Di Kalangan Pekebun Kecil Getah.	35
5. Haluan Beri Pinjaman Oleh Bank Pertanian Malaysia...	42(a)
6. Bilangan Jumlah dan Purata Nilai Pinjaman Yang Di luluskan (Tidak Termasuk Pinjaman Sekim 1971 - March 1975).....	47
7. Nilai Pinjaman Yang Di luluskan Mengikut Jenis Pinjaman, (1971 - March 1975).....	57(a)
8. Sebab-Sebab Pinjaman Di Tolak.....	63(a)
9. Pinjaman-Pinjaman Yang Dikeluarkan	63(b)
10. Permohonan Yang Di Tolak	65(a)
11. Sekim Kredit Pengeluaran Padi Jangka Pendek, Penggunaan Kredit dan Pembayaran Balik.....	66(b)
12. Pinjaman Untuk Tanaman Jangka Pendek 1971 -1973.....	66(b)
13. Tingkat Pelajaran Pesawah Padi.....	88

SINARAI RAJAH

	Halaman
Rajah 1: Jenis-Jenis Petani	7
Rajah 2: Cara-Cara Bagaimana Pinjaman Di Lakukan .	18
Rajah 3: Carta Organasasi Bank Pertanian Malaysia.	13

SINARAI PETA

Peta	
Cawangan-Cawangan Bank Pertanian Malaysia 1975.	12(a)

University of Malaya

Bank Pertanian telah melaksanakan beberapa institusi kewangan yang berkaitan dengan pertanian dan sektor lain. Bank ini beroperasi di bawah pengawasan dan kawalan Bank Negara Malaysia. Bank ini menyediakan perkhidmatan kewangan kepada petani dan usahawan pertanian. Bank ini juga menyediakan perkhidmatan kewangan kepada petani dan usahawan pertanian. Bank ini juga menyediakan perkhidmatan kewangan kepada petani dan usahawan pertanian.

2. Bidang dan Perkhidmatan Bank

Perkhidmatan Bank ini adalah sebagai berikut:

PENDAHULUAN

1. Tujuan Kajian

Penyelidikan ini dijalankan dengan tujuan untuk mengetahui segala masalaah-masalaah yang dihadapi oleh Bank Pertanian, sebagai sebuah institusi yang memberikan kredit untuk pertanian; khasnya kepada petani-petani kecil.

Kredit pertanian bukanlah merupakan perkara baru di dalam usaha pembangunan pertanian di Negara ini. Usaha peminjaman kredit pertanian ini sebelumnya telah pun dijalankan oleh beberapa sektor yang 'non institutional' seperti pekedai-pekedai runcit, pemborong-pemborong, pemberi pinjam wang, tuan-tuan tanah dan lain-lain lagi. Tetapi mereka ini telah menetapkan kadar bunga yang terlalu tinggi, sehingga menyebabkan petani-petani kecil tidak terdaya untuk menjelaskannya. Malahan faktor ini juga telah menghalang petani-petani untuk menggiatkan lagi usaha dalam bidang pertanian.

Dalam beberapa tahun kebelakangan ini beberapa institusi kewangan cuba mengambil alih peranan dari sektor yang 'non institutional' ini. Dan di dalam menjalankan fungsinya institusi-institusi awam ini menghadapi masalaah-masalaah samada yang berkaitan secara langsung dengan petani itu, seperti suasana alam sekeliling dan sikap petani, atau pun masalaah yang terbit dalam institusi itu sendiri.

2. Bidang dan Pembatasan Kajian

Pembatasan kajian dibuat dengan menumpukan perhatian hanya

kepada golongan petani-petani kecil sahaja yang menjadi golongan peminjam penting bagi Bank ini. Jadi adalah sesuai bagi Bank ini sebagai sesebuah bank pembangunan ditubuhkan untuk menulung meninggikan taraf hidup kumpulan petani-petani yang rata-ratanya berpendapatan rendah itu. Dengan itu akan dapatlah diukur setakat mana kejayaan yang telah dicapai oleh institusi seperti ini dalam menjalankan fungsi asasnya.

Di dalam pentadbiran Bank Pertanian ini juga terdapat beberapa Jabatan yang mengendalikan tiap-tiap jenis permohonan pinjaman. Umpamanya Jabatan Tanaman dan ladang, Perhutanan, Ternakan dan Jentera, Perusahaan, Pertanian dan Perikanan. Dengan ini dapatlah diperhatikan jenis tanaman dan nilai pinjaman yang diberikan kepada petani-petani kecil. Bank-bank perdagangan yang lain juga ada menjalankan 'kredit luar bandar' tetapi pemberian kredit tidak terhad kepada pertanian sahaja. Oleh yang demikian nilai pemberian kredit luar bandar mereka tidaklah merupakan nilai sebenar kredit yang diberikan kepada petani-petani khusus untuk projek pertanian.

3. Metode Kajian

Penulis telah menjalankan pengkajian dengan menggunakan pendekatan 'sociological' untuk mendapatkan bahan-bahan lapuran dan data-data bagi kajian ini. Pertamanya, penulis telah bertemuramah secara formal dengan pegawai-pegawai Bank Pertanian Malaysia.

Temuramah yang dibuat secara "unstructured" terutama sekali mengenai masalah-masalah yang dihadapi oleh pihak Bank Pertanian dalam menjalankan peranannya. Pengkajian secara 'questionnaire' difikir-

kan tidak perlu oleh kerana temuramah tersebut hanyalah dengan beberapa orang pegawai bank sahaja. Jadi soalan-soalan yang dibuat adalah terhadap, yang kebanyakannya cuma merupakan 'view finding'.

Cara kajian selanjutnya adalah merupakan kajian perpustakaan. Walau pun difikirkan perlu untuk menemuramah petani-petani yang telah menerima pinjaman dari Bank Pertanian Malaysia untuk mengetahui masalah-masalah mereka, tetapi ini juga tidak dapat dilakukan kerana beberapa sebab:-

- i) Tempat tinggal peminjam yang berjauhan, yang terdapat diberbagai tempat di negara ini.
- ii) Kemungkinan jika dikirimkan questionnaire, petani-petani tidak dapat memberikan jawapan yang memuaskan; oleh kerana tingkat pelajaran dan pengetahuan mereka yang rendah.

Jadi disini, pengetahuan penulis mengenai masalah yang dihadapi oleh petani-petani ialah melalui penyelidikan laporan-laporan kemajuan projek tiap-tiap petani yang dibuat oleh pegawai-pegawai projek Bank Pertanian Malaysia ketika melakukan 'supervision' keatas projek dibawah sekim peminjam-peminjam ditempat tertentu. Menerusi rekod-rekod peminjam dan laporan dari fail-fail tersebut, analisa kajian dapat dibuat juga bagi menghuraikan bagaimana masalah-masalah itu boleh ujud.

4. Masalah Dalam Menjalankan Kajian

Keadaan yang sebenarnya timbul mengenai kegagalan peminjam untuk membayar balik pinjamannya bukan sahaja bersangkutan dengan

kedudukan ekonominya tetapi masalah ini juga berkaitan dengan keadaan sosial dan peribadi peminjam itu sendiri. Mungkin masalah ini akan lebih difahami oleh pegawai-pegawai bank dicawangan-cawangan. Cawangan Bank Pertanian Malaysia tidak banyak (purata satu cawangan dalam sebuah negeri di Semenanjung Malaysia) dan berjauhan pula antara satu dengan lain. Umpamanya di Perak cawangannya terletak di Bagai Serai, di Pahang cawangan di Temerloh; ini adalah sukar bagi penulis membuat kajian untuk menemuramah pengurus-pengurus cawangan atau peminjam sendiri. Penulis hanya berpandukan laporan dan alasan-alasan yang terdapat dalam fail-fail peminjam yang gagal membuat pembayaran balik dan juga fail-fail laporan dari kemajuan pinjaman. Data-data ini diperolehi dari fail-fail yang terdapat di Ibu Pejabat sahaja.

Oleh yang demikian, permohonan yang diluluskan atau ditolak dan alasan-alasan yang diberikan atau menolak hanya untuk permohonan-permohonan yang telah dihantar oleh cawangan ke Ibu Pejabat sahaja. Terdapat juga permohonan-permohonan yang telah ditolak di cawangan dan bilangan permohonan yang ditolak ini hanyalah dalam pengetahuan pengurus cawangan sahaja. Jadi bilangan sebenarnya permohonan adalah lebih besar dari catitan sebenar di Ibu Pejabat. Alasan-alasan penolakan seperti yang terdapat dalam laporan fail-fail di Ibu Pejabat sahaja.

Adalah tidak ilmiah jika satu kajian seperti ini dilakukan disebelah pihak sahaja. Disini kajian dibuat secara kes study, dari fail-fail di Ibu Pejabat dan temuramah dengan pegawai-pegawai Bank Pertanian sahaja. Seharusnya temuramah perlu juga dibuat keatas

petani-petani sebagai peminjam untuk mengetahui kesulitan mereka yang sebenarnya. Tetapi oleh kerana penulis menghadapi kerumitan seperti yang diterangkan diatas, masalah-masalah peminjam ini hanya diketahui dari temuramah dengan pegawai-pegawai yang membuat laporan dan penyiasatan apabila berlaku kegagalan pembayaran. Dari temuramah yang dilakukan, didapati masalah kegagalan ini bukan sahaja disebabkan satu pihak iaitu peminjam, tetapi juga beberapa 'short coming' dalam pentadbiran Bank Pertanian Malaysia sendiri. Oleh yang demikian, rumusan didapati tidaklah berat sebelah.

5. Definasi Konsep: Petani Kecil

Tidak ada sebarang definasi yang memuaskan untuk membedakan di antara petani-petani kecil, sederhana atau besar. Millard Long¹, memberikan definasi petani kecil sebagai berikut:

"Kumpulan yang mempunyai pengeluaran yang terhad, dimana hasil pengeluar tahunannya hanya cukup untuk keperluan hidup harian-nya atau hanya lebih sedikit dari keperluan hidupnya. Diakhir tahun pengeluaran (production year), tidak terdapat langsung atau hampir tidak ada langsung wang baki untuk simpanan. Oleh yang demikian, terdapat:-

¹ Millard Long - Small Farmers Credit Analytical Papers,
A.I.D. Spring Review of Small Farmer Credit. Washington D.C.
June 1973. Hal. 71.

- i) Sedikit atau tidak ada langsung, kemajuan diatas pengeluaran pertaniannya.
- ii) Kemampuan yang terhad untuk memperolehi tanah yang lebih dan meluaskan operasi pertaniannya, secara mendatar (horizontal).

Walau bagaimana pun, definasi petani kecil ini lebih mudah difaham dengan melihat ciri-ciri petani kecil itu sendiri. Diantara ciri-ciri tersebut ialah keluarga yang mempunyai atau menyewa bidang tanah yang kecil, memasarkan pengeluarannya di pasaran kawasannya sendiri, (local marketing); tidak berpeluang untuk menerima perkhidmatan yang diperlukan di dalam teknologi moden, tidak mempunyai harapan cerah untuk meninggikan lagi taraf hidup mereka dari tingkat ekonomi 'secukup hidup' sahaja, dan akhirnya 'petani kecil' tidak mempunyai pengaruh politik langsung.

Dari beberapa kategori diatas, ada lima jenis petani yang tergulung kedalam 'petani kecil' dapat dikelaskan iaitu:-


- i) Mereka yang telah menjalankan perusahaan dalam bentuk perdagangan dan menerima bantuan kredit.
- ii) Mereka yang ada 'potential' untuk mencapai keuntungan jika diberi peluang menggunakan cara dan teknologi, input² dan pasaran dengan harga yang berpatutan.
- iii) Mereka yang ada 'potential' untuk mencapai keuntungan, tapi memerlukan durungan khas, umpamanya subsidi untuk beberapa ketika.

2

Input - Termasuklah antaranya bahan-bahan tani seperti baja, benih, racun serangga, racun rumput dan lain-lain.

- iv) Mereka yang terlalu miskin, yang walau pun diberi peluang untuk menggunakan teknologi tidak akan mencapai keperangkat perusahaan yang menguntungkan. Mereka ini juga tidak berupaya untuk memajukan unit pertanian mereka tanpa subsidi tetap dari kerajaan.
- v) Mengandungi buruh-buruh pertanian yang tidak bertanah dan lain-lain.

RAJAH I: JENIS-JENIS PETANI



RKPK - Rancangan Kredit Petani Kecil.

Sumber: Summary Papers, Agency For International Development Spring Review of Small Farmer Credit. Dept. of State, Washington. Vol XX, June 1973.

Di dalam kebanyakan negara-negara ini masalah pertanian kecil ini melibatkan kumpulan 3 dan 4 RKPK yang termasuk dalam analisa ini juga melingkungi kedua-kedua kumpulan ini dan segala cadangan-cadangan adalah ditujukan kepada kumpulan ini. Adalah mustahak untuk memisahkan kumpulan ini kepada lima, iaitu petani-petani yang tidak mempunyai 'potential' langsung untuk mencapai kemajuan tidak mempunyai pendapatan luar dari bidang pertanian dan tidak juga menerima apa-apa

subsidi tetap. Kumpulan lima ini adalah berbedza dengan kumpulan 4. Ini bukanlah bermaana pengkaji cuba mengeneipikan kumpulan 5 ini tetapi masaaalah mereka untuk mencapai kemajuan terlalu rumit dan adalah elok jika masaaalah saperti ini dikaji khas di dalam kajian lain.

Dalam kajian terhadap penyaluran kredit oleh Bank Pertanian Malaysia, jelas didapati petani-petani di Malaysia yang menerima kredit dari Bank Pertanian Malaysia kebanyakannya terdiri dari mereka yang dapat dimasukkan kekumpulan 3 dan 1, sedikit dalam kumpulan 4.

BAB I

BANK PERTANIAN MALAYSIA DAN RANCANGAN-RANCANGAN PEMBIAYAAN

KREDIT

Pengenalan

Dalam bab ini akan dibincangkan latar belakang tujuan penubuhan ejensi ini, corak organisasi pentadbirannya, aktiviti dan rancangan-rancangan pinjaman. Bank ini merupakan badan berkanun yang dikhususkan untuk membiayai projek-projek yang berasaskan pertanian sahaja. Selain dari mempunyai Aktanya sendiri kesemua Lembaga Pengarah dan Pengerusinya adalah dilantik oleh Kerajaan. Walaupun pada zahirnya ejensi ini merupakan sebuah bank tetapi ianya tidak pula bergantung dengan bank-bank swasta yang lain di dalam Persatuan Bank-Bank Malaysia. Pekerja-pekerjanya pun tidak boleh memasuki Kesatuan Kebangsaan Pekerja-Pekerja Bank (National Union of Bank Employees). Inilah yang meletakkan perjalanan dan penubuhan Bank Pertanian Malaysia sebagai sebuah bank yang 'unique'.

Latar Belakang Bank Pertanian Malaysia

Bank Pertanian Malaysia adalah sebuah Badan Berkanun yang ditubuhkan oleh Akta Parlimen, pada bulan September 1969, (Undang-undang Malaysia Akta 9). Ia merupakan sebuah bank pembangunan pertanian yang ditubuhkan dengan tujuan untuk memberi berbagai-bagai jenis keperluan kredit kepada petani-petani, khasnya bagi petani kecil yang menghadapi bermacam-macam masalah dalam meninggikan hasil pengeluaran pertanian mereka. Salah satu masalah utama ialah kekurangan kredit untuk memulakan dan meluaskan aktiviti pertanian. Oleh yang

demikian, empat objektif besar Bank ini ialah untuk:-

- a) Menggalakkan kemajuan pertanian yang sempurna dalam Malaysia atau mana-mana bahagian.
- b) Menyalaras dan menyelia bantuan kredit dari kumpulan wang awam untuk maksud pertanian bagi berbagai-bagai orang atau kumpulan orang-orang sama ada diperbadankan atau tidak.
- c) Mengadakan kemudahan-kemudahan pinjaman, pendahuluan dan kredit untuk kemajuan pertanian termasuklah penghasilan dan pemasaran.
- d) Menyelenggara wang simpanan khususnya dalam bidang pertanian termasuklah penghasilan, dan bagi mencapai tujuan ini menerima wang simpanan dan deposit semasa.

Merujuk kepada objektif di atas, aktiviti Bank Pertanian

Malaysia telah ditumpukan kepada memaju dan memodenkan sektor pertanian. Keutamaan layanan di tujukan kepada perusahaan pekebun-pekebun kecil dengan maksud membolehkan perusahaan mereka dijalankan secara perniagaan dan dapat menambahkan keuntungan. Layanan yang seimbang juga diberi kepada projek-projek yang boleh mengadakan pekerjaan baru atau pekerjaan tambahan kepada penduduk-penduduk luar bandar. Tujuan bank ini juga adalah menitek beratkan kepada projek-projek perniagaan dan perusahaan pengeluaran bahan-bahan mentah.

Untuk menyelaraskan dengan kehendak-kehendak negara dalam bidang pertanian, bank ini telah mengambil langkah dengan membuka beberapa buah cawangan-cawangan kecil di beberapa buah negeri di-

Semenanjung Malaysia dan di Malaysia Timur untuk mengadakan perkhidmatan kredit dan kemudahan yang bersangkutan kepada petani-petani yang sangat memerlukan bantuan.

Mengikut Seksyen 7 (1) Akta Bank Pertanian Malaysia 1969,¹

modal yang dibenarkan bagi bank ialah lima puluh juta ringgit. Sepuluh juta ringgit daripadanya telah dibayar oleh kerajaan apabila bank ditubuhkan. Untuk melaksanakan rancangan Malaysia kedua, kerajaan telah meluluskan peruntukan bagi bank sehingga berjumlah enam puluh juta ringgit serta tiga puluh juta peruntukan tambahan jika perlu.

Organisasi Pentadbiran Bank Pertanian Malaysia

Bank Pertanian Malaysia sebagai sebuah ejensi kerajaan adalah dibawah jagaan Kementerian Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar. Bank ini yang beribu pejabat di Kuala Lumpur mempunyai 9 buah cawangan di Semenanjung Malaysia dan 5 buah cawangan kecil (Lihat peta).

Saperti organisasi lain, Bank Pertanian juga mempunyai Lembaga pengarah yang dilantik oleh kerajaan. Bagi tahun 1974 ahli-ahli Lembaga Pengarahnya ialah saperti berikut:

¹

Akta Bank Pertanian Malaysia 1969.

CAWANGAN-CAWANGAN BANK PERTANIAN MALAYSIA 1975.



PANDUAN:

- ▲ : IBU PEJABAT
- : CAWANGAN-CAWANGAN
- † : CAWANGAN KECIL
- ◉ : 1 CAWANGAN DI KUCING, SARAWAK (MALAYSIA TIMUR)

PENGARAH

Dr. Agoes Salim

Pengerusi dan Pengarah Urusan

Y.B. Senator Kamarul Ariffin bin Mohamad Yasin

Y.B. Tan Sri Professor Bashdan bin Haji Baba. P.S.M, P.P.T.

Encik Mohd. Zain bin Haji Abdul Majid.

Y.B. Tan Sri Dato Mohamad bin Jamil. D.P.M.K, P.S.M, J.M.N.

Encik Sulaiman bin Abdullah. K.M.N.

Encik Abdullah bin Kassim. K.M.N., S.M.P, P.J.K.

Encik Abdul Rahman bin Haji Yusuf. A.M.N.

PENGARAH GANTI

Encik Abdullah bin Ujang.

Encik Mohd. Saadullah bin Suhaimi.

Encik Helmi bin Mohd. Noor.

Tuan Syed Abdul Jabbar bin Syed Hassan Shahabuddin.

PENASIHAT EKONOMI

Dr. Rais Saniman.

Kakitangan-kakitangan Bank ini sehingga tahun 1974 mengikut bahagian adalah seperti berikut:-

Bahagian 1	-	49 orang
Bahagian 2	-	60 orang.
Bahagian 3	-	148 orang.
Bahagian 4	-	29 orang.

Rajah 3 iaitu Carta Organisasi Bank Pertanian Malaysia menunjukkan dengan jelas sistem hirarki dan birokrasi bank itu.

bayaran kredit yang terlalu tinggi dan menguasai harga bahan pengeluaran.

- c) Mengadakan jalan yang sempurna dan teratur untuk menjalankan tugas sebagai pengeluar kredit dan juga pembekal bahan-bahan pengeluaran.
- d) Mengadakan pengawasan diatas penggunaan kredit pembayaran balik dan mencegah apa-apa muslihat antara petani, pembekal dan pusat-pusat kredit.

Bank tidak memberikan pinjaman terus kepada petani-petani tetapi menyalurnya menerusi Pusat-Pusat Kredit Tempatan.² Kadar faedah yang dikenakan kepada petani-petani 4.25% semusim (6 bulan). Daripada jumlah ini 1.25% adalah diberi kepada Pusat Kredit Tempatan sebagai bayaran perkhidmatan mereka.

Sekini ini akan diperluaskan lagi sesuai dengan perkembangan Pusat-Pusat Kredit Tempatan dan dimana-mana kawasan yang mempunyai keadaan pemasaran dan pengangkutan yang memuaskan. Kejayaan adalah bergantung kepada faktor-faktor berikut:-

2

Pusat Kredit Tempatan - Terdiri dari pekilang-pekilang padi yang berkemampuan dan agen-agen mereka, pertubuhan peladang dan Syarikat Kerjasama atau mana-mana individu atau Badan yang dipercayai oleh Bank Pertanian Malaysia. Pusat Kredit Tempatan ini bertanggung jawab menerima permohonan pinjaman dari penanam-penanam padi, menapis permohonan tersebut dan menyalurkan kredit kepada petani-petani yang layak menerima - P.K.T. ini juga bertanggung jawab menerima pembayaran kembali pinjaman dan menjamin pinjaman tersebut. Pihak BPM akan membayar PKT atas khidmat mereka ini.

Tujuan utama rancangan ini ialah untuk menjenterakan perusahaan pertanian. Kemudahan rancangan ini dijalankan dengan tiga cara:-

- a) Pinjaman terus.
- b) Pinjaman sewa terus.
- c) Pinjaman sewa.

iv) Rancangan Pinjaman Perusahaan Tanaman

Rancangan ini bertujuan mengadakan kemudahan pinjaman bagi pekebun-pekebun kecil, tanaman jangka pendek dan lain-lain tanaman yang mengeluarkan hasil dalam masa tidak melebihi tiga tahun. Pada keseluruhannya tanaman-tanaman ini memerlukan satu sekim kredit padi dan tembakau. Sekim-sekim ini akan diadakan apabila permohonan kredit daripada satu-satu tanaman itu telah meningkat keperingkat yang tinggi dan berulang-ulang.

v) Rancangan Pinjaman Perusahaan Perikanan

Bank telah menumpukan pemberian pinjaman ini kepada syarikat-syarikat nelayan yang dijamin oleh pihak-pihak Kerajaan sahaja. Pinjaman kepada nelayan-nelayan perseorangan tidak digalakkan oleh sebab masaalah-masaalah peraturan pasaran, keperluan nelayan, dan pendaratan ikan.

vi) Rancangan Pinjaman Pembelian dan Perusahaan Tanaman

Tujuan utama rancangan ini ialah bagi memajukan satu masyarakat pengusaha-pengusaha pertanian yang mempunyai bidang operasi pertanian, yang manasabah luasnya bagi menampung hidup satu keluarga dan mendatang-

kan pendapatan yang selaras dengan matlamat negara. Rancangan ini telah ditujukan kepada penyewa-penyewa tanah yang ingin memilek tanah yang dikerjakan tanpa mengalami kerugian dalam penukaran itu, dan pemilek tanah yang ingin meluaskan bidang tanah peringkat yang lebih ekonomi.

vii) Rancangan Pinjaman Perusahaan Pertanian

Perusahaan pertanian yang boleh dilayani adalah perusahaan-perusahaan yang bergantung kepada sektor pertanian bagi pasaran bahan pengeluaran atau pun perusahaan-perusahaan yang mana punca utama bahan-bahan mentah adalah daripada sektor pertanian. Dalam menimbangkan permohonan, bank menitik beratkan kepada projek-projek:-

- a) Yang didirikan dikawasan luar bandar.
- b) Yang dapat mengadakan pekerjaan baru atau pekerjaan tambahan kepada penduduk luar bandar.
- c) Dimana petani-petani dan penduduk luar bandar boleh menyertai pelaburan modal dan pengurusan.
- d) Dimana-mana bahan-bahan pengeluaran pertanian boleh diperoses di tempat pengeluaran dan bukan dijual mentah sahaja.

viii) Rancangan Pinjaman Projek Kemajuan Ladang

Rancangan ini bertujuan mengadakan kemudahan pinjaman kepada badan swasta atau pun Kerajaan, menjalankan projek-projek pembangunan yang berasaskan kepada tanaman sebagai punca pengeluaran. Ini termasuklah pembelian ladang-ladang dan juga tanah yang ingin dijadikan ladang.

ix) Rancangan Pinjaman Perusahaan Ternakan


Pinjaman ini bertujuan untuk mengujudkan satu kumpulan penternak yang baru dan terlatih untuk kemahiran, bukan saja dari teknikal tetapi juga dari segi menguruskan projek secara perniagaan. pinjaman-pinjaman adalah diberi untuk projek ternakan seperti ayam, lembu, babi dan lain-lain.

x) Rancangan Simpanan Wang

Rancangan Simpanan biasa yang disediakan oleh Bank Pertanian adalah serupa dengan rancangan bank-bank Perdagangan yang lain. Kadar faedah yang diluar bagi rancangan ini ialah 7% setahun. Rancangan simpanan tetap juga diadakan.

Cara-cara Pinjaman Dibuat

Rajah 2: Menunjukkan Cara-cara Bagaimana Sesuatu Pinjaman dilakukan



Cara-cara pinjaman adalah seperti berikut:-

- a. Pemohon membuat permohonan kepada Bank Pertanian Malaysia samada dicawangan-cawangan atau terus ke Ibu Pejabat untuk mendapatkan pinjaman membayai pertaniannya.
- b. Pegawai Kredit Bank akan pergi melihat dan mengkaji projek cadangan pemohon tersebut.
- c. Pegawai projek akan membuat laporan projek pemohon. Laporan ini dihantar ke bahagian Pinjaman Bank Pertanian Malaysia.
- d. Pegawai di Bahagian Pinjaman Bank Pertanian Malaysia akan meneliti samada projek tersebut telah memenuhi syarat-syarat untuk satu-satu permohonan di pertimbangkan.
- e. Laporan ini dihantar kepada Jawatankuasa kajian Pinjaman yang akan menentukan samada diluluskan atau tidak. Pemohon akan di beri tahu keputusan permohonan itu.

Bagi projek-projek besar pemohon juga diperlukan untuk membuat kertas kerja projeknya. Bank Pertanian Malaysia mengutamakan cagaran diatas tiap-tiap permohonan yang telah diluluskan, walau bagaimana pun Bank Pertanian Malaysia tidaklah memberikan sebanyak ratus peratus jumlah kos projek tersebut. Pemohon diperlukan mengadakan dua puluh peratus dari jumlah kos projek sebagai sumbangannya (equity).

BAB II

GOLONGAN PETANI-PETANI KECIL DAN KREDIT KEWANGAN

Pengenalan:

Bab ini pada 'amnya mengkaji latar belakang Sosio-ekonomi petani-petani di kawasan pertanian Muda di Kedah. Pada keseluruhan-nya fakta-fakta yang didapati adalah hasil dari pengkajian yang telah di buat oleh seorang ahli sosiologi MADA. Dapatlah dikatakan bahawa masalaah Sosio-ekonomi petani-petani dikawasan ini adalah 'identical' dengan masalaah-masalaah yang dihadapi oleh petani-petani kecil di-kawasan lain dinegara ini. Disamping itu, dikaji juga peranan, pengaruh dan penguasaan badan-badan yang 'non-institutional' umpamanya, peminjam-peminjam persendirian dan orang tengah keatas petani-petani di beberapa negeri di Semenanjung Malaysia.

Corak Petani dan Pertanian Di Kawasan Muda

Dalam pengeluaran pertanian secara traditional, tanah dan buruh merupakan 'inputs' yang asas dan ini merupakan perkara yang lebih penting dari inputs modal. Lagi pun inputs modal merupakan hasil secara langsung dari pekerjaan lain yang memerlukan tenaga seperti memperbaiki keadaan tanah, membuat alat perkakas pertanian yang mudah (home made simple tools); dan sistem penggunaan air.

Di dalam pertanian secara traditional ini, tenaga buruh dan tanah merupakan bahan utama bagi menentukan tingkat pengeluaran

sesebuah ladang. Cuma sedikit sahaja "inputs" membeli digunakan. Apa jua pun tanah, tenaga buruh dan punca modal yang digunakan, hanya itulah yang dapat diadakan oleh petani-petani tersebut, dimana tenaga buruh keluarga merupakan penentu kepada perubahan didalam tingkatan pengeluaran hasil pertanian. Oleh kerana 'potential' dari tenaga buruh keluarga tidak digunakan dengan sepenuhnya (under-utilisation) ini menyekat kebolehan tenaga buruh dari keluarga ini untuk digunakan bagi menambahkan lagi modal dan pendapatan. Afifudin Hj. Omar,¹ telah mengkaji beberapa aspek mengenai kehidupan dan corak hidup petani-petani dikawasan Muda. Di dapati nilai petani-petani terhadap pengumpulan modal sebahagian besarnya dipengaruhi oleh punca-punca tenaga buruh dan tanah, yang telah tersedia. Kebanyakan mereka merasakan bahawa penanaman padi hanya merupakan satu cara hidup sahaja dan bukanlah sebagai satu perusahaan dalam erti kata yang sebenarnya.

Dalam peroses ini penambahan harta bukanlah merupakan faktor utama dalam menjalankan aktiviti pertanian ini. Kurangnya pengetahuan mereka untuk mengumpul modal telah diperlihatkan oleh pengkaji tersebut di dalam kajiannya, dimana petani lebih suka menyimpan wang pendapatan mereka kepada orang tengah yang telah memberikan pinjaman kepada mereka untuk modal pengeluaran dengan kadar 40% setahun. Petani-petani akan

1

Afifuddin Hj. Omar - 'Some Aspects of the Socio Economic Value System of The Muda Rice Farmers In Developmental Perspective'
M.A.D.A. - (MUDA AGRICULTURAL DEVELOPMENT AUTHORITY) TELOK CHENGAI,
ALOR STAR, KEDAH, Publication No: 24 August 1973.

menjual hasil pengeluaran mereka kepada orang tengah yang akan menolak sebahagian darinya sebagai bayaran kepada pinjamannya, kelebihan dari pendapatan itu akan disimpan pada orang tengah dan petani-petani ini akan mengeluarkan apabila perlu sahaja. Kelaziman seperti ini dilakukan oleh sebahagian besar petani-petani disitu dan mereka menaruh kepercayaan pada orang tengah tersebut.

Petani-petani di kawasan Muda ini tidaklah meletakkan nilai moral yang tinggi terhadap wang. Kepentingan penggunaan wang dapat dilihat hanya untuk membeli barang-barang sahaja. Sanjungan atau penghormatan dari masyarakat umpamanya tidak dapat dibeli dengan wang. Oleh yang demikian jika petani-petani itu tidak dapat membayar balik pinjamannya ini tidak bermaana masyarakat disekitarnya akan hilang kepercayaan terhadapnya.

Kebanyakan cara 'menyimpan' harta mereka adalah dengan membeli barang-barang kemas (seperti emas) dan ini mempunyai dua fungsi; fungsi ekonomi dan sosial. Apabila institusi bank diperkenalkan, petani tidak menunjukkan minat untuk mendapatkan kemudahan yang diberikan. Ini adalah kerana pertamanya, faedah yang diterima dari simpanan bank disifatkan sebagai wang riba' dan ini difikirkan melanggar undang-undang Islam. Keduanya, mereka memikirkan institusi bank dan kemudahan-kemudahan yang diberikan hanyalah untuk orang-orang kaya sahaja. Kemahuan untuk menambahkan lagi pendapatan melalui penyimpanan wang dan pengalaturan tidak ada oleh kerana kurangnya pengetahuan mengenai pengumpulan modal diikuti pula dengan sikap acuh tak acuh terhadap cara pengeluaran yang lebih ekonomi.

Usaha-usaha ada juga dijalankan untuk mengalakkan lebih ramai

lagi orang petani-petani menggunakan inputs kimia lagi menambahkan lagi hasil tetapi tidak mendapat kejayaan sepenuhnya. Cuma 40% petani-petani sahaja yang telah mengambil peluang mendapatkan subsidi baja kerajaan dalam tahun 1969, walaupun rancangan tersebut telah 7 tahun dijalankan. Dalam rancangan subsidi ini, 30% dari harga baja ditanggung oleh kerajaan. Selain dari 'zinc' Phosphide' untuk membunuh tikus-tikus dan diberikan percuma oleh kerajaan racun-racun serangga jarang digunakan. Serangan-serangan ini disifatkan sebagai 'nasib buruk' yang telah ditakdirkan oleh Tuhan. Walau bagaimana pun mereka mengadakan pula kenduri tolak bala' dan jampi mentera untuk menjauhkan mala petaka tersebut.

Dalam situasi sekarang, dimana petani-petani di daerah Muda, telah berkecimpung dalam pengeluaran bercorak ekonomi pasaran mereka cuba juga menyimpan pendapatan mereka untuk dilaburkan dalam bentuk modal yang didapati tidak secara langsung dari tenaga buruh keluarga. Ada juga kecenderungan mereka untuk menggunakan kredit dari bank pertanian melalui Persatuan Peladang, Syarikat Kerjasama Luar Bandar dan Pusat Kredit Tempatan. Ini boleh dilihat dari Jadual 1.

Dari Jadual 1 menunjukkan jumlah pinjaman yang didapati melalui Pusat Kredit Tempatan adalah tiga kali ganda dari jumlah pinjaman yang didapati melalui Syarikat Kerjasama dan hampir dua kali ganda dari jumlah yang dipinjam melalui Persatuan Peladang. Dari ketiga-tiga punca kredit ini cuma Persatuan Peladang sahaja yang memberikan perkhidmatan lanjutan (Extension Services) cara menggunakan kredit yang teratur.

Jadual 1: PENGUNAAN KREDIT BANK PERTANIAN OLEH
PETANI-PETANI DAERAH MUDA MELALUI
INSTITUSI KREDIT

TAHUN MUSIM	PERSATUAN PELADANG		SYARIKAT KERJASAMA		PUSAT KREDIT TEMPATAN	
	Jumlah Petani	Nilai Pinjaman	Jumlah Petani	Nilai Pinjaman	Jumlah Petani	Nilai Pinjaman
1970 (1)	322	49,705	99	14,302	-	-
	(2)	807	136,118	198	36,040	275 81,806
1971 (1)	1,398	272,276	311	88,548	967	3301,745
	(2)	1,392	241,935	511	159,475	1,412 501,312
1972 (1)	1,856	339,969	529	1,864	1,864	736,123
	(2)	2,121	401,124	738	1,948	- 801,634
JUMLAH	-	1,441,127	-	789,141	-	2,422,620

Sumber: Afifuddin Haji Omar:- Some Apects of The Socio Economic Valve

Walau pun nilai jumlah pinjaman yang didapati melalui Pusat Kredit Tempatan hampir dua kali ganda nilai yang dipinjam melalui Persatuan Peladang, jumlah petani diantara kedua punca pemberi pinjaman ini hampir sama banyak. Petani-petani yang meminjam dari Persatuan Peladang tersebut. Oleh yang demikian, kemungkinan mereka dapat menggunakan inputs yang dibeli dengan lebih berkesan lagi dari petani-petani yang tidak memasuki mana-mana organisasi (umpamanya, Persatuan Peladang), yang mendapat kredit melalui Pusat Kredit Tempatan. Dalam waktu peralihan ini dimana petani-petani dari galakan untuk menambah modal melalui institusi-institusi kredit, kejayaan dalam peroses 'Mengajar' mereka ini bergantung kepada kejayaan dalam peroses rupa bentuk keuntungan yang didapati dari menggunakan cara yang demikian.

Perbedaan Aktibiti Penggunaan Tanah Antara Beberapa Gulungan Petani

Terdapat perbedaan dalam aktibiti-aktibiti untuk menambah dan memajukan serta menggunakan tanah dikalangan petani dikawasan Muda. Ini terjadi dari perbedaan nilai socio-ekonomi terhadap ketiga-tiga aktibiti tersebut (menambah, memajukan menggunakan tanah) Variasi Institusionalnya bercorak penyewaan iaitu pemilek-pengerja (Owner Operators), pemilek-penyewa (Owner tenant) dan penyewa tulin.

Gulungan pemilek-pengerja mempunyai tanah, purata luasnya empat ekar, dan ternyata mempunyai sikap untuk menambahkan lagi tanah dengan cara membeli. Manakala gulungan pemilek penyewa pula mempunyai tanah yang purata luasnya tujuh ekar, lebih suka menyewa

tanah lagi walau pun mereka ingin juga membeli tanah dengan harga yang perpatutan. Walau bagaimana pun gulungan penyewa tulin dengan purata tanahnya seluas tiga ekar itu tidak berkurangan langsung untuk menambah keluasan tanah mereka melalui cara pembelian. Mereka cuba menyewa tanah lagi untuk meluaskan tanah yang dibawah pengerjaan mereka.

Kumpulan pemilek pengerja yang sejumlah besarnya mendapat tanah (keluasan yang cukup untuk menampung hidup keluarga mereka dengan keadaan yang mewah juga). Melalui harta pusaka dan kumpulan ini didapati tidak mempunyai orientasi nilai perdagangan yang tinggi.²

Pemilek tanah melalui harta pusaka yang merupakan ciri-ciri utama dikalangan kumpulan pemilek pengerja mungkin merupakan faktor yang menyebabkan perkembangan nilai orientasi mereka terhadap tanah dan penanaman padi. Cuma sedikit sahaja petani-petani dari kalangan ini yang mendapatkan tanah memberikan pembelian. Sejumlah besarnya mendapat tanah setelah beberapa lama menjadi "penyewa" kepada ibu bapa mereka. Ketika masih dalam status 'penyewa' ini segala hal-hal dan keputusan yang bersangkutan dengan ekonomi tanah ini terpulang kepada ibu bapa mereka-mereka, cuma memberikan tenaga buruh dan selalunya akan mendapat bahagian besar yang cukup untuk menampung keluarga mereka. Selepas masa peruntukan sebahagian dari hasilnya

2

Orientasi nilai perdagangan yang tinggi diperolehi jika seorang petani itu mempunyai rancangan pertanian yang teratur, rekod pertanian dan darjah kemahuan yang tinggi untuk mendapat dan menggunakan teknologi. Ini akan memberikan keuntungan. Lihat Afifuddin Hj. Umar - "The Commercial Farming Behaviour and attitudes of Farmers in the Muda Scheme, M.A.D.A." 21, Febuary 1973.

kepada ibu bapa mereka. Bahagian ini bolihlah disifatkan 'bayaran sewa' mereka kepada ibu bapa mereka itu. Dalam perkara ini tidak ada pengajian bertulis mengenai penyewaan. Ianya hanyalah semata-mata urusan sesama keluarga sahaja. Tidak ada pembahagian yang nyata antara interaksi ekonomi dan sosial antara mereka dari kedua ibu bapa mereka atau saudara mara mereka yang menjadi tuan tanah. Ini jelas dibayangkan dari pandang mereka iaitu "sama buat sama makan". Oleh yang demikian petani-petani tersebut tidaklah ada pengetahuan mengenai pengurusan ladang mereka dalam erti kata yang sebenarnya. Mereka mempunyai sikap yang 'indifferent' terhadap perkembangan ekonomi tanah mereka itu.

Apabila mereka memileki tanah melalui perwarisan, terdapatlah keluasan pengalaman disegi pengurusan dan sikap yang 'indifferent' untuk meluaskan dan memperbaiki keadaan tanah ini masih ter-bawa-bawa seperti keadaan ketika mereka menjadi 'penyewa' dahulu. Kekurangan pengalaman inilah yang menyebabkan tingkatan pengeluaran yang rendah, jika dibandingkan dengan dua kategori penyewa lain yang telah dikatakan tadi. Status socio-ekonomi dalam masyarakat mereka yang agak tinggi itu tidak semestinya mempunyai pertalian yang positive dengan nilai orientasi yang positive terhadap pertanian untuk perdagangan. Kebanyakan dari mereka bercita-cita untuk membeli lebih banyak tanah untuk menambahkan lagi harta mereka. Tetapi dalam masa yang sama kumpulan ini juga menyatakan mereka tidak mampu membeli tanah yang sekarang ini berharga diantara \$1,600-2,0000 serelong.

Tujuan untuk membeli tanah ini walau bagaimana pun tidaklah

semestinya untuk diusahakan sendiri kerana kebanyakan dari mereka lebih suka menyewakan tanah-tanah yang hendak dibeli itu. Ini memperlihatkan kurangnya 'economic alternative' untuk mereka melaburkan tenaga buruh dan wang dalam aktiviti selain dari ber-tanam padi. Ini lebih-lebih lagi diperlihatkan dari keengganan mereka untuk berindak keluar dari ke kampung mereka untuk mengerjakan tanah yang akan lebih mengeluarkan hasil. Kebanyakan mereka lebih suka membeli inputs dari wang lebihan yang ada dari pendapatan kredit daripada institusi-institusi yang ada. Walau pun wang lebihan tidak mencukupi untuk membeli jumlah inputs yang disyorkan.

Semua ciri-ciri kumpulan pemilik pengerja ini merupakan 'economic paradox' oleh kerana mereka yang mampu meluaskan keluaran dalam perusahaan mereka tidak ada dorongan untuk berbuat demikian. Ini disebabkan oleh orientasi nilai mereka dan sikap yang kurang positive, dari peroses sosialisasi ekonomi mereka.

Sebaliknya, mereka yang tidak berkemampuan untuk memajukan tanah dan perusahaan mereka mempunyai dorongan (motivation) yang tinggi jika diberi peluang. Dua kategori petani ini ialah pemilik-penyewa dan penyewa tulin yang walau pun mempunyai taraf socio-ekonomi. Teknik yang rendah dari kumpulan pemilik pengerja itu, sedikit sebanyak mempunyai nilai orientasi yang positive terhadap pertanian untuk perdagangan, cara mereka mengusahakan tanah adalah lebih senang 'diubah' dari yang biasa dilakukan oleh petani kumpulan pemilik pengerja itu kebanyakan dari mereka faham akan pentingnya penggunaan inputs yang optima bagi mendapatkan pengeluaran yang maksima.

Mereka sanggup berpindah keluar untuk memberi tanah bagi menambahkan pendapatan. Jika mereka tidak dapat membeli tanah mereka sanggup menyewanya. Ciri-ciri seperti ini lebih jelas dilihat dengan mengkaji peroses sosiolasasi petani-petani dari kumpulan ini.

Di dalam Ketetapan 1 Taklimat Kedua yang diberikan kepada Jawatankuasa Kerja Majlis Tindakan Negara, dianggapkan bahawa untuk mencapai pendapatan bersih \$200, sebulan, petani-petani yang mengerjakan sekurang-kurangnya ditanah yang luasnya enam ekar dan petani-petani yang menyewa pula haruslah mengerjakan ditanah yang tidak kurang dari lapan ekar (lihat Jadual 2).

Walau pun segala ciri-ciri dan corak bentuk petani diatas lebih menunjukkan seperti yang terdapat dikalangan penanam tanaman padi di kawasan muda, tapi pada keseluruhannya pandangan yang diberikan oleh Affiuddin Hj. Umar ini adalah menyamai dengan petani-petani kecil yang lain diseluruh Malaysia, walau pun kadang kala mereka tidaklah merupakan mereka ini menumpukan kepada pertanian padi sahaja. Penulis berpendapat ciri-ciri dan sikap petani-petani terutama sekali petani-petani kecil adalah 'identical' walau pun ada kawasan-kawasan dan jenis tanaman yang berbedza.

Pengaruh dan Penguasaan Badan 'non-Institutional' Dalam Pemberian Kredit Petani

Sejak beberapa ketika yang lampau hingga sekarang, sebahagian besar dari aktibiti-aktibiti pinjaman wang di luar bandar adalah didalam penguasaan pemberi pinjam persendirian (private and non-institutional lenders). Di Malaysia dan juga dalam negara-negara membangun yang lain punca pinjaman (kredit) yang non-institutional ini ada

Jadual 2: PERMULANGAN BERSEH TAHUNAN (\$) HASIL DARI
PENANAMAN PADI DUA KALI SETAHUN UNTUK KA-
WASAN PERTANIAN YANG BERBAGAI KELULUSAN.

Luas kawasan ekar.	Tanah yang subur		Tanah Pertengahan Subur		Tanah kurang subur	
	Bertani di tanah sendiri	Bertani menyewa Tanah	Bertani di tanah sendiri	Bertani di-tanah tanah	Bertani tanah sendiri	Ber-menyewa tanah
1	506	360	412	340	270	166
2	1,012	730	824	680	540	322
3	1,518	1,100	1,236	1,020	810	498
4	2,024	1,470	1,648	1,360	1,350	664
5	2,530	1,840	2,060	1,700	1,620	830
6	3,036	2,200	2,472	2,040	1,890	996
7	3,942	2,570	2,884	2,380	2,160	1,162
8	4,048	2,940	3,296	2,720	2,160	1,328
9	4,554	3,310	3,708	3,060	2,430	1,494
10	5,060	3,680	4,120	3,400	2,700	1,660

Sumber:- Taklimat Kedua Jawatankuasa Memodenkan Sektor
Pertanian kepada Jawatankuasa Kerja Majlis
Tindakan Negara pada 12hb. Dec. 1973.

dalam beberapa bentuk. Diantaranya termasuklah peminjam wang persendirian, pekedai-pekedai, pembeli hasil pertanian, tuan-tuan tanah dan kadang kala saudara mara serta kawan-kawan mereka.

Kadar faedah yang dikenakan oleh peminjam diluar bandar ini juga tidaklah tetap. Jika dikaji dari segi kadar faedah dan syarat-syarat yang dikenakan maka pembayaran balik yang harus dibayar adalah amat tinggi. Adalah sukar hendak menganggarkan kadar faedah diantara beberapa negara yang membangun itu. Ini adalah kerana ada diantara kadar faedah tersebut mencapai hingga 200% setahun disetengah-setengah negara dan hingga kepalang rendahnya antara 30-40% setahun dinegara yang lain.

Jika dilihat dari kadar faedah yang tinggi; memanglah kehadiran pemberi pinjaman wang diluar bandar ini; merupakan masalah yang besar kepada kemajuan sektor ekonomi pertanian diluar bandar. Tetapi kita haruslah melihat dari sudut lain pula mengapa pinjaman yang diberikan tersebut terlalu tinggi faedah yang dikenakan. Telah dikatakan bahawa pinjaman kepada projek pertanian ini terutama sekali kepada projek pertanian kecil mempunyai risiko yang banyak, perbelanjaan besar yang harus dibelanjakan untuk mentadbirnya dan dalam pada itu pula selain dari aktiviti meminjamkan; pemberi pinjaman persendirian ini akan juga menjalankan fungsi mereka dibidang pemasaran hasil peminjam-peminjam dan menjual barang-barang keperluan harian yang lain kepada negara.

Jadi dari segi ekonomi dan risiko yang dihadapi faedah yang dikenakan walau pun tinggi memanglah perlu dikenakan. Walau bagaimanapun kehadiran orang-orang tengah ini masih lagi menjadi persoalan kerana dengan secara tidak langsung gulungan inilah yang menghinder kemajuan petani-petani kecil.

Dalam kajian awal mengenai pekebun kecil getah yang dibuat oleh Pusat penyelidikan getah Malaysia (J.W.L Bevon 1955) menunjukkan cuma 13% pekebun-pekebun kecil berhutang kepada pemborong. Purata jumlah hutang petani Melayu ialah \$90. Dan pekebun kecil Cina \$177. Dalam satu kajian lain keatas 150 pemborong getah di Selangor yang dibuat oleh Pusat Penyelidikan getah Malaysia menunjukkan purata hutang pekebun kecil kepada pemborong ialah \$257; purata jumlah hutang bagi pekebun kecil Melayu - \$160, Cina \$305 dan India \$405; dan jumlah penuh hutang sebanyak \$960,000.

Professor L.J. Berube didalam kajiannya mengenai industri perikanan,³ menjalankan 'simple survey' keatas nelayan-nelayan dan pemborong ikan. 42.5% nelayan-nelayan (109 dari 256 nelayan) menerima kredit bagi perbelanjaan modal dan pekerjaan (capital and operating expenses) dan orang tengah merupakan pembiaya terbesar kredit. Pinjaman yang diberikan diantara \$100, kurang dan lebih dari \$1,000, 90% untuk perbelanjaan pekerjaan, dan 63% sebagai modal pelaburan. Dalam temuramah yang di jalankan keatas 90 pemborong ikan, 72 (80)% menyatakan mereka memberi kredit kepada nelayan.

E. Muthukumar⁴ dalam kajiannya mengenai insdustri penanaman kelapa menyebutkan tiga kajian mengenai penghutangan yang dijalankan di Johor, Selangor - Perak (Sabak Bernam dan 2 mukim Hilir Perak) dan

3

L.J. Berube - Fish Marketing Problem. Report of an Economic Survey and Study, 1967. Kementerian Pertanian dan Kerjasama Malaysi a.

4

E. Muthukumar - Economic Survey of the Cocounut Growing Industry F.A.O. 1968.

Jadual 3: PUNCA-PUNCA KREDIT UNTUK PETANI-PETANI
KECIL DI-TIGA BUAH NEGERI DI-MALAYSIA

Pemberi Pinjam	Melaka	Kelantan	Seberang Prai
Penternak Ternakan	64.2	2.3	1.4
Pekedai Runcit	64.2	22.9	32.6
Pekedai-pekedai Lain-lain	-	-	-
Pajak Gadai, kedai Radio	22.2	25.6	14.4
Pembeli padi	-	5.2	14.0
Tuan Tanah	-	0.7	-
Pembeli Kelapa dan Getah	-	1.3	-
Saudara dan kawan-kawan	8.9	32.2	3.4
Koopretif	3.2	0.5	32.6
Persatuan Peladang	-	-	-
Kerajaan	0.8	-	-
Pemajakan harta	-	9.3	-
Lain-lain.	1.7	-	2.6
Jumlah	100.0	100.0	100.0

Sumber: Kajian Socio Ekonomi dan punca-punca Kredit
Bagi 3 buah Negeri. Kementerian Pertanian dan
Kerjasama, 1968.

Kelantan. Di dapati di Johor 88%, Selangor - Perak 90% dan Kelantan 55%, pekebun kelapa berhutang; purata hutang di Johor \$708, Selangor-Perak \$672, dan Kelantan \$158. Kajian-kajian ini juga menunjukkan kebanyakan dari penghutangan bercorak modal pusingan iaitu kredit jangka pendek; pinjaman dan bayaran balik dibuat seperti tanaman-tanaman lain juga. Di Johor dan Selangor - Perak, pembeli hasil pengeluaran kelapa dan pekedai runcit merupakan punca utama kredit. Pembeli kelapa meminjamkan 76% penghutang-penghutang di Selangor - Perak, dan 45% di Johor dan cuma 36% di Kelantan. Pekedai runcit pula, memberikan kepada 40%, 48% dan 13% di tiap-tiap kawasan tersebut. Manakala pinjaman dari badan k rjasama dan Organasasi amat rendah sekali iaitu 3% di Selangor - Perak, 1% di Johor dan di Kelantan tidak ada langsung.

Dari kajian-kajian yang telah dijalankan didapati kebanyakan daripada pengusasa-pengusasa petani mendapat pinjaman dari pihak-pihak pemberi kredit yang bukan institusi, (non-institutional credit supplier). Dalam kajian ekonomi, ladang (Forum Economic Surver 1967) menunjukkan 49,772 keluarga pesawah padi ini dikawasan projek Pengairan Sungai Muda Kedah 64.3% meminjam wang untuk penanaman padi dan badan-badan yang 'non-institutional' merupakan pembiaya utama.

Dalam kajian penanaman padi yang dijalankan oleh FAMA menunjukkan dari 942 peminjam-peminjam yang ditemuramah, 65% mendapat kredit dari pemborong padi, 16.9% dari kawan-kawan atau saudara mara, 6.3% dari peminjam wang (money lenders) dan 2.5% dari bank-bank perdagangan. Purata jumlah pinjaman kredit adalah antara \$100 hingga \$1000 dengan 75.14% Petani-petani meminjam \$400 kebawah.

Jadual 4: HUTANG-HUTANG DIKALANGAN PERKEBUN KECIL GETAH

DAERAH	% Petani ¹ 2 yang berhutang	Purata jumlah hutang bagi tiap-tiap petani yang ditemu duga \$	% Petani beke hutang kepada peniaga Getah dan purata jumlah di hutang. % \$	% Petani Yang Memikirkan Senang men dapatkan Kredit DR.				
				Jumlah %	Dari Saudara Mara %	Dari kawan kawan %	Dari penia ga %	Lain2 %
PONTIAN	52	86	49 55	77	12	8	62	-
MUAR	58	495	8 186	75	8	3	23	42
BATU PAHAT	39	182	24 127	55	5	4	41	7
PURATA SEMUA DAERAH	46	129	28 102	65	8	5	43	12

* Lain-lain: Pekedai runcit, seperti dsb.

Sumber: Socio-Ecommice Survey of rubber Small Holdings in West Malaysia

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN PERIKANAN

getah; yang lainnya dari saudara mara (8%) atau dari kawan-kawan (5%) pekedai runcit dan dari pemberi pinjam wang yang lain. Dalam kajian itu juga didapati 20% dari petani-petani tamat persekolahan rendah mereka iaitu hingga kedarjah enam. 27% dari petani-petani menyatakan mereka tidak tahu menulis dan membaca. Sementara 45% tidak menamatkan pelajaran rendah mereka. Tingkatan pelajaran dikalangan isteri petani-petani lebih rendah lagi. Tetapi dikalangan anak-anak mereka tingkatan pelajaran adalah menggalakkan. Kajian ini menunjukkan 84% kanak-kanak diantara 6-15 tahun bersekolah samada diperengkat rendah atau Menengah. Peratusan ini sama tingginya antara anak-anak perempuan dan lelaki. Ini bermaana petani-petani tersebut tidak membezakan peluang untuk mendapatkan pelajaran antara anak-anak mereka lelaki dan perempuan.

Dari kajian-kajian yang telah disebutkan tadi nyata sekali sektor 'non-institutional' merupakan punca utama pengaliran kredit. Kredit dari punca ini selalunya menekankan faedah yang terlalu tinggi kepada peminjam-peminjam jika dibandingkan dengan institusi-institusi lain dibandar atau diluar bandar. Ini kadang kala memberikan kesan yang buruk kepada petani-petani untuk menambahkan lagi pengeluaran keperengkat maksima. Sektor 'non-institutional' ini mengambil peluang untuk menekan petani-petani terutama sekali jika petani itu buta huruf. Dengan hal yang demikian, mereka telah mengenakan faedah yang tinggi tanpa disedari oleh petani tersebut.

Takahashi dalam kertas kerjanya⁸ menyebutkan bahawa kadar faedah adalah diantara 30%-40% setahun dikawasan padi yang lain,

8

A. Protopapas/A.Stonehem/S. Takahashi - Working Paper on Agricultural Credit for the Modal Project - Kementerian Pertanian dan Perikanan. June, 1967.

termasuk dikawasan Muda. Data-data yang serupa juga didapati dari kajian kredit pertanian, yang dijalankan oleh FAMA dan Bank Negara⁹ Professor Berube telah memetik satu kajian yang dibuat dikawasan Nelayan di Kampung Pancur,¹⁰ yang menunjukkan kadar faedah yang dikenakan mencapai hingga 10% sebulan atau 120% setahun. E. Muthukumaru di dalam kajian Ekonomi Industri penanaman kelapa mendapati tidak ada kadar faedah yang tetap kerana pembayaran balik pinjaman dibuat secara menolak hasil dari tanaman tadi. Walau bagaimana pun bila kadar faedah dikenakan seperti yang terjadi keatas 20% penghutang di Selangor - Perak, 13% di Johor dan 9% di Kelantan. Kadar faedah yang dikenakan adalah diantara hingga 10% hingga 60% setahun.

Kadar faedah yang tinggi diatas pinjaman dari pembiaya 'non-institutional' ini mungkin disebabkan oleh beberapa perkara: risiko yang tinggi, dan kos yang tinggi semasa menjalankan perntadbiran keatas pinjaman kecil Jangka pendek yang banyak itu, tidak adanya 'competition' yang banyak. Diantara badan-badan 'non-institutional' dan kekurangan kredit. Kedua-dua faktor (risiko dan juga kos menjalankan pentadbiran yang tinggi) adalah perkara yang biasa terdapat dalam mana jua sistem pembiayaan kredit pertanian yang banyak kepada petani-petani 'kecil' dan 'serdahana'. Jika terdapat kekurangan kemudahn umpamanya untuk mengurangkan kejadian banjir, pengeluaran yang tidak bercorak pelabagaan (diversify) terdapat risiko yang tinggi jika berlaku cuaca

9

Agricultural Credit Survey On Padi Produces in the Muda River Irrigation Project Area. Oleh FAMA dan Bank Negara, September, 1968.

10

Yahaya bin Hj. Talib: A study of Kampung Pancur Fishermen Cooperative Marketing and Credit Limited. July, 1959.

buruk yang akan memusnahkan tanaman tersebut. Walau bagaimana pun risiko seperti ini dapat dikurangkan dengan terdapatnya pembenaan tali air dan kemudahan pengawasan banjir.

Telah dikatakan bahawa kurangnya 'competition' dikalangan pembeli dan kekurangan kredit menjadikan kadar faedah melambung tinggi. Kedua-dua sebab diatas berkaitan dengan keadaan sosial dan ekonomi dimana fungsi pemborong sebenarnya telah menjadi tiga, iaitu; dalam pemasaran, pemberi pinjam wang dan sebagai pembeli hasil pengeluaran tanaman petani. Seperti yang dikatakan oleh Wharton ¹¹. "Fungsi-fungsi pemasaran, pembelian dan pinjaman yang tidak memestinya dijalankan oleh seorang individu sahaja; pemasar pembeli atau pemberi pinjam mungkin dilakukan oleh beberapa orang yang ada berkaitan - adik beradik, saudara mara atau ahli-ahli lain keluarga atau puak (clan). Apa yang diperlukan hanyalah kerjasama diantara mereka untuk menguatkan lagi kedudukan keuntungan mereka dalam keadaan 'monopsoni' ini.

Bukti-bukti mengenai kredit yang disalurkan keseluruhannya oleh pemborong, pekedai, dan pemborong yang berkedai; untuk menguasai pasaran pengeluaran pertanian ini dan menerima pembayaran balik melalui pemotongan pengeluaran pertanian. Menunjukkan bahawa sistem dua atau tiga fungsi ini akan melahirkan keadaan 'monopsoni' dan 'oligopoli'.

11

C.R. Wharton, Jr: 'Marketing, Merchandizing and Money Lending: A note on Middleman Monopsony in Malaya. Malayan Economic Review - Vol. VII October, 1962.

BAB III

HALUAN PEMBIAYAAN KREDIT DAN KEMAJUAN YANG
TELAH DICAPAI

Pengenalan

Bab ini mengkaji dan menganalisa kemajuan yang telah di capai oleh Bank Pertanian Malaysia dalam memberikan perkhidmatan kredit kepada Sektor Pertanian. Tinjauan dan analisa dilakukan secara melihat jumlah dan nilai pinjaman yang diberikan kepada beberapa jenis pinjaman. Perhatian juga diberikan keatas pinjaman-pinjaman yang ditolak, Dengan analisa secara ini dapatlah dilihat sejauh manakan Bank Pertanian telah dapat memberikan pembiayaan kredit kepada petani-petani kecil berbanding dengan kredit yang telah diberikan kepada petani-petani atau pengusaha pertanian gulungan atasan.

1). Kemajuan Bank Pertanian Malaysia Antara 1970-1974

Bank Pertanian Malaysia mula menjalankan aktibiti-aktibiti pada 1.1.1970. Peranan besar yang mula-mula dijalankan oleh bank itu ialah mengadakan Sekim kredit padi pada tahun 1970. Sebanyak 441 pinjaman telah diberikan bernilai \$58,403. Sehingga akhir tahun 1974, seluruh peruntukan sebanyak £50 juta yang disediakan dibawah Rancangan Malaysia Kedua telah dikeluarkan oleh kerajaan untuk membantu Bank ini dalam kegiatan pinjamannya. Lagi satu cawangan telah ditubuhkan di Besut semasa tahun 1974, menjadikan jumlah cawangan sebanyak 12 buah pada akhir tahun 1974. Rancangan telah pun dibuat untuk menubuhkan 9 buah cawangan baru di dalam negeri, termasuk tiap-tiap satu di Sabah

dan Sarawak dalam tahun 1975. Dengan jangkaan pertambahan yang cepat dalam bilangan cawangan, adalah membayangkan bahawa Bank ini akan bertambah lebih berkesan dalam peranannya sebagai punca utama bagi kredit pertanian.

Butir-butir lanjut bagi kegiatan pinjaman dari Bank Pertanian adalah di tunjukkan dalam Jadual 5. Pinjaman berjumlah sebanyak \$37.4 juta telah diluluskan semasa tahun itu, berbanding dengan \$27.5 juta dalam tahun 1973; manakala pembayaran pinjaman berjumlah \$33.7 juta iaitu \$11.9 juta atau 54.6% lebih tinggi daripada tahun 1973. Jumlah pinjaman yang belum dijelaskan meningkat sebanyak \$18.3 juta kepada \$39.9 juta pada akhir tahun 1974, yang mana \$6.8 juta adalah pinjaman-pinjaman jangka pendek, \$5.3 juta pinjaman jangka pertengahan dan baki-nya sebanyak \$27.8 juta adalah pinjaman-pinjaman jangka panjang.

Pembiayaan bagi pengeluaran padi terus menjadi kegiatan utama Bank Pertanian. Rancangan kredit pengeluaran padi jangka pendek, yang berkerjasama dengan sistem Pusat-pusat Kredit Tempatan, meliputi Per-satuan-persatuan Peladang, Syarikat-syarikat Kerjasama berasaskan Pertanian dan ejen-ejen sektor swasta; mengembangkan luputannya di dalam kawasan-kawasan tanaman padi dua kali yang utama, iaitu Sungai Muda, Kemubu, Besut, Tanjung Karang dan Sabak Bernam. Semasa tahun itu sejumlah 225 Pusat-pusat Kredit Tempatan telah terlibat secara langsung di dalam menyalurkan kredit kepada 29,340 petani yang berkerja di atas 148,340 ekar. Jumlah pinjaman-pinjaman yang diluluskan di bawah rancangan ini semasa kedua-dua musim padi dalam tahun ini adalah \$17.6 juta berbanding dengan \$10.4 juta dalam tahun 1973, tetapi hanya \$9.3

Jadual 5: HALUAN BERIAN PINJAMAN OLEHBANK PERTANIAN MALAYSIA

	1974			Pada Akhir 1974
	Diluluskan	Dikeluar	dibayar balik	
	\$ Juta			
Pertanian	28.1	14.0	10.7	9.5
Diantaranya:				
Padi	17.6	9.3	7.3	6.1
Tembakau	3.5	3.0	3.0	0.6
Orkid	0.2	0.1	0.1	0.3
Kelapa Sawit	6.7	0.6	0.1	0.1
Ubi Kayu	...	0.9	0.1	1.0
Perniagaan Tani	8.2	16.5	3.0	24.1
Diantaranya:				
Minyak Kelapa Sawit	6.0
Tebu	...	14.4	1.3	22.5
Keluaran Kayu	1.0	0.4	...	0.4
Ternakan	...	0.9	0.1	1.9
Ayam Itek	...	0.2	...	0.3
Lembu	...	0.7	0.1	1.6
Perikanan	0.1	0.7	0.1	1.8
Alat Keleng- kapan	0.8	1.4	1.4	2.0
Lain-lain	0.2	0.2	0.1	0.6
JUMLAH	37.4	33.7	15.4	39.9

Sumber: Laporan Tahunan dan Penyata Kira-kira
Bank Negara Malaysia, 1974

juta atau 52.8% telah digunakan oleh pesawah-pesawah padi.

Tekanan yang lebih besar adalah juga ditumpukan keatas pembiayaan penanaman tanaman-tanaman lain, terutamanya tembakau, tebu, pokokid, ubi kayu, kacang tanah dan tembikai. Dalam tahun 1974, rancangan pengeluaran tembakau jangka pendek dan kredit pemasaran telah dikembangkan dari kawasan-kawasan tradisional di Kelantan, Terengganu, Kedah, Perlis dan Melaka. Di bawah rancangan ini sejumlah \$3 juta telah dibayar kepada 40 penanam persendirian yang bertanggung jawab bagi menyediakan kredit kepada kira-kira 20,000 pekebun. Tambahan lagi, bayaran pinjaman kepada perusahaan Ternakan bertambah sebanyak \$200,000 kepada \$900,000 pada akhir tahun itu dari mana \$700,000 adalah untuk ternakan lembu di Sabah.

Sebagai satu bahagian dalam rancangan permodenan sektor pertanian, Bank Pertanian terus memberi pinjaman-pinjaman jangka pertengahan untuk pembelian alat-alat kelengkapan pertanian. Tiga jenis pinjaman-pinjaman alat-kelengkapan telah diberikan iaitu sewa beli melalui peniaga-peniaga sewa beli secara langsung daripada Bank Pertanian dan pinjaman secara langsung. Walau bagaimana pun kemudahan sewa beli secara langsung hanya boleh di gunakan oleh pertubuhan-pertubuhan pengeluaran di bawah naungan kerajaan seperti Persatuan-persatuan Peladang, dan Syarikat-syarikat Kerjasama. Semasa tahun ini, sejumlah \$1.4 juta telah dibayar dibawah rancangan ini. Tambahan sebanyak \$700,000 telah diberi kepada perusahaan perikanan terutamanya untuk pembelian harta tetap, termasuk kilang memproses udang-udang dan kilang air batu.

Dengan penyertaan badan-badan berkanun dan penguasaha-pengusaha persendirian yang bertambah di dalam perniagaan pertanian dan projek pem-

bangunan pertanian secara besar-besaran, Bank Pertanian meluaskan kredit jangka panjang bagi membiayai projek-projek ini. Pinjaman yang dikeluarkan bagi tujuan ini bertambah dari \$7.7 juta dalam tahun 1973 kepada \$16.3 juta dalam tahun 1974 yang mana \$14.4 juta telah digunakan oleh kilang pemeroses tebu di Negeri Sembilan. Pinjaman yang diluluskan bagi membiayai projek-projek perniagaan berasaskan pertanian, yang meliputi pengetinan bahan-bahan makanan dan pemerosesan tebu dan ikan berjumlah sebanyak \$8.2 juta. Untuk membantu petani-petani menjadi pemilik-pemilik tanah kepunyaan yang ekonomi, Bank Pertanian telah merumuskan dasar-dasar yang khusus dan tata-cara untuk pembelian dan penebusan tanah pertanian. Pinjaman-pinjaman berjumlah sebanyak \$200,000 telah diluluskan untuk tujuan ini. Selain daripada itu rancangan pinjaman bagi membayai projek-projek pembangunan pertanian secara besar-besaran yang lebih dari 100 ekar untuk tanaman perdagangan, khususnya untuk eksport adalah di dalam kegiatan dan pinjaman-pinjaman berjumlah sebanyak \$6.7 juta telah diluluskan diakhir tahun ini.

Kadar-kadar faedah yang dikenakan oleh Bank Pertanian di bawah sekim pinjamannya ialah dalam lingkungan 8-12 peratus setahun. Bagi sekim kredit pengeluaran padi jangka pendek kadar sebanyak 8.5% setahun telah dikenakan dalam tahun 1974, iaitu bersamaan dengan kadar 4.2% bagi satu musim. Supaya tidak mengalakkan pembayaran semula yang lambat, Bank Pertanian terus mengenakan kadar denda bagi tiap-tiap satu peratus diatas jumlah asal yang belum dijelaskan bagi pinjaman-pinjaman yang lampau tempoh. Bagi jenis pinjaman yang lain, kadar faedah yang dikenakan berbedza mengikut kebolehan projek-projek dengan kadar

pemulehan yang telah diberikan kepada Kerajaan dan badan berkanun. Kadar faedah yang dikenakan di bawah pengeluaran tembakau jangka pendek dan sekim pemasaran adalah 9 peratus setahun diatas baki harian, manakala kadar pinjaman untuk alat kelengkapan pertanian tetap pada 8% tiap-tiap tahun diatas jumlah asal yang belum dijelaskan.

Sekim-sekim Simpanan Tabungan dan Simpanan tetap, yang telah dilancarkan di dalam bulan Mach 1972, bertujuan megalakkan petani-petani dan orang-orang awam untuk menabung ; telah menerima lebih banyak sambutan dalam tahun 1974. Berikutan dari kenaikan yang nyata dalam kadar faedah semasa tahun ini. Bank Pertanian menaikkan kadar simpanannya dalam bulan Mei dan Ogos melingkungi 1 dan 1.5% untuk mencapai ketinggian kadar faedah yang lebih tinggi yang ujud di dalam sektor Bank. Sehingga akhir tahun 1974 kadar faedah tahunan untuk simpanan tabungan adalah 7% manakala simpanan tetap bagi satu bulan hingga 12 bulan melingkungi antara 5% dan 9.5%; kadar-kadar perbandingan setahun yang lepas adalah 5.5% bagi simpanan tabungan dan satu lingkungan antara 4% dan 8% bagi simpanan tetap. Sebagai akibatnya terdapat kenaikan yang besar di dalam jumlah simpanan dari \$250,000 pada akhir tahun 1973 kepada \$28.7 juta diakhir tahun 1974 dengan simpanan tetap berjumlah \$28 juta dan simpanan tabungan \$700,000.

Perbandingan Antara Jenis-Jenis Pinjaman

Oleh kerana kajian ini berpusat kepada sektor petani-petani kecil, eloklah dibuat perbandingan di atas kemudahan-kemudahan yang telah diterima oleh golongan tersebut dengan sektor perusahaan pertanian yang lain. Ini dapat dilihat dari bilangan, jumlah dan purata nilai pinjaman yang telah diluluskan kepada beberapa jenis pinjaman

pertanian sejak perusahaan Bank ini; iaitu dari tahun 1971 hingga bulan March 1975.

Dari Jadual 17 bilangan pinjaman yang diluluskan bagi tanaman ialah sebanyak 68 dan nilai pinjaman yang diluluskan adalah berjumlah \$886,400. Purata pinjaman sebanyak \$13035. Bagi Perusahaan-perusahaan pula bilangan pinjaman yang diluluskan ialah 47 bernilai \$35,815,800 iaitu puratanya \$762,038. Bagi Kemajuan Estate pula bilangan pinjaman-nya ialah 11, bernilai \$18,002,800, puratanya \$828,053 dan terdapat 33 pinjaman, puratanya \$25092. Akhirnya bagi pinjaman jenis Perikanan bilangan pinjaman ialah 14 bernilai \$2,063,660 puratanya \$147,440.

Dari data-data diatas walau pun jumlah bilangan pinjaman sektor pertanian bercorak tanaman merupakan yang terbesar sekali diluluskan tetapi sebaliknya purata nilai pinjaman sektor ini adalah yang terkecil sekali jika dibandingkan dengan purata nilai pinjaman jenis lain. Sementara purata nilai pinjaman yang telah diberikan kepada sektor pertanian yang bercorak perdagangan (Perusahaan Pertanian dan Kemajuan Estate). Berjumlah 85.5% dari jumlah besar sejak penubuhan Bank Pertanian Malaysia.

Dari analisa diatas jelas menunjukkan yang Bank Pertanian lebih menumpukan pembiayaan kredit kepada sektor pertanian yang bercorak modal besar. Walaupun institusi seperti Bank Pertanian harus memantingkan kesetabilannya, dari segi keuntungan yang diperolehi dari faedah (interest) yang dikenakan keatas tiap-tiap pinjaman; tetapi sebagai sebuah ejensi kerajaan yang dikhususkan untuk memajukan bidang pertanian secara 'amnya haruslah juga mementingkan sektor yang terbesar, (majoriti).

JADUAL 6. BILANGAN JUMLAH DAN PURATA NILAI PINJAMAN YANG DILULUSKAN (TIDAK TERMASUK PINJAMAN SEKIM)
(1971 - MARCH 1975)

TANAH/JENIS PINJAMAN	1971			1972			1973			1974			HINGGA MARCH 1975		
	B.P.D	N.P.D (*)	P.N.P.D	B.P.D	N.P.D (*)	P.N.P.D (*)	B.P.D	N.P.D (*)	P.N.P.D (*)	B.P.D	N.P.D (*)	P.N.P.D (*)	B.P.D	N.P.D (*)	P.N.P.D (*)
PERUSAHAAN PERTANIAN	6	301,000	50,166	14	25,032,800	1,768,059	8	2,551,000	318,75	14	6,778,500	498,464	5	952,500	190,500
PEMBELIAN TANAH	-	-	-	8	144,800	13,100	9	435,123	493,47	12	229,130	19,094	4	19,000	4,750
TANAMAN	1	10,000	10,000	21	188,299	3,971	20	434,951	217,47	15	225,950	15,063	11	27,100	2464
KEMAJUAN ESTET	-	-	-	6	3680,000	613,333	2	6,971,000	3,485,508	2	665,980	332,5700	1	700,000	700,000
TERNAKAN	9*	4,736,145	625,132	10	127,495	12,750	3	491,500	163,833	1	4000	4000	-	-	-
PERIKANAN	3	407,860	135,953	-	-	-	1**	1,530,000	1,530,000	4	129,400	32,350	6	26,400	4,400
JUMLAH	27	5,555,055		60	29,173,494		46	12,383,574		48	14,213,780		26	1,725,000	

CATATAN: * - 1 pinjaman berjumlah #4.6 juta untuk ternakan di Sabah

** - 1 pinjaman untuk kompleks perikanan

B.P.D : Bilangan pinjaman diluluskan

N.P.D : Nilai pinjaman diluluskan

P.N.P.D : Purata nilai pinjaman diluluskan

JADUAL 7. NILAI PINJAMAN YANG DILULUSKAN MENGIKUT JENIS PINJAMAN (1971 - MARCH 1975)

1. PERUSAHAAN PERTANIAN	-	35,815,800
2. PEMBELIAN TANAH	-	828,053
3. TANAMAN	-	886,400
4. KEMAJUAN ESTET	-	18,802,850
5. TERNAKAN	-	5,349,190
6. PERIKANAN	-	2,063,660
JUMLAH BESAR		62,945,903

SUMBER: PENYATA KEDUADUAAN KEUANGAN DIATAS PINJAMAN PINJAMAN DARI BANK PERTANIAN MALAYSIA
(TIDAK TERMASUK PINJAMAN SEKIM)

Dalam konteks pengkajian ini bolehlah dikatakan sektor pertanian kecil yang merupakan sektor terbesar dinegara ini dan se- harusnyalah sektor ini diberi perhatian yang lebeh. Kemajuan yang pesat amat diperlukan dalam sektor pertanian kecil, kerana dalam kajiannya ini- lah berlakunya, 'incidence of poverty' yang tinggi. Dalam kajian yang dibuat oleh Ejensi Badan-Badan Dunia¹ di dapati kadar kemiskinan tinggi di kalangan penanam-penanam padi, pekebun kecil getah; kelapa dan perikan- an.

Dalam kajian ini mereka telah menggunakan asas 'garis Kemiskinan' (poverty line) yang telah ditentukan oleh unit Perancangan Ekonomi Jabatan Perdana Menteri Malaysia. Dari data-data pendapatan sekeluarga tahun 1970. 'poverty line' adalah dianggarkan mereka yang di dalam lingkungan pendapatan per kapita \$25 sebulan. Dengan berdasarkan garis ini adalah dianggarkan lebeh 523,000 keluarga di dalam sektor pertanian dan perikanan di Malaysia Barat termasuk ke dalam golongan miskin. Data-data lain dari Kajian adalah seperti berikut:-

<u>Sektor Pekerjaan</u>	<u>% Dalam Lingkungan Miskin (poverty)</u>	<u>Catitan</u>
Padi	78%	Dalam tahun 1970 di- anggarkan hampir 300,000 keluarga bekerja menanam padi.
Getah	44.6%	Jumlah besar pekebun kecil ialah 394,000 (Ini tidak termasuk sekim FELDA).

¹ Problems of Rural Poverty In Malaysia Analysis and Recommendations
A Report Prepared By A Mission of The FAO/World Bank Cooperative
Programme. December, 1974.

<u>Sektor Pekerjaan</u>	<u>% Dalam Lingkungan Miskin (poverty)</u>	<u>Catitan</u>
Kelapa	44%	Dalam tahun 1974 dianggarkan terdapat 32,000 penanam dengan keluasan 471,000 ekar.
Perikanan	65%	38,000 keluarga dibawah garis (below poverty line) 2/3 dari 25,000 keluarga ini di Pantan Timur dan lebih 3/4 daripadanya bangsa Melayu.

Dari data-data diatas ternyata gulungan petani kecil di beberapa sektor tertentu dalam pertanian mengalami keadaan kehidupan yang buruk dan jika keadaan ini tidak di ubah, akan terus mempengaruhi masa depan anak-anak mereka pula.

Ketidak Seimbangan Pembayaran Pinjaman

Ketidak seimbangan pembiayaan pinjaman antara gulungan pengusaha-pengusaha dan jenis pertanian dapat juga dipersoalkan. Dari Jadual di dapati 85.5% dari jumlah besar pembiayaan telah diluluskan kepada sektor perusahaan pertanian dan kemajuan estate. Keseluruhan bagi jumlah permohonan yang diluluskan bagi kedua-dua sektor ini ialah 58 permohonan. Keseluruhan pemohon dari sektor-sektor ini merupakan Syarikat-syarikat besar yang menjalankan perusahaan berasaskan pertanian (agro-based industries). Pinjaman untuk tanaman (64 permohonan) banyak merupakan 1.4% dari jumlah besar untuk perikanan 3.3% dan pembelian tanah 1.3%. Nilai yang kurang dari 2 bagi sektor tanaman adalah tidak menggalakkan langsung lebih-lebih lagi apabila dilihat Bank Pertanian ini terhad ditubuhkan lebih dari empat tahun.

Sungguh pun persoalan 'survival' institusi ini adalah satu perkara yang penting memandangkan aktiviti pembiayaan pertanian mempunyai risiko-risiko yang tinggi tetapi hendaklah difikirkan juga objektif-objektif penubuhan institusi ini.. Diantaranya empat objektif besarnya ialah "Menggalak kemajuan pertanian yang sempurna dalam Malaysia atau mana-mana bahagiannya". Untuk menggalakkan kemajuan pertanian yang sempurna haruslah menyaluruh supaya segala faedah dan kemudahan yang diberikan dapat menunjukkan hasil kejayaan yang besar sahaja kerana keperluan sektor yang berlainan juga berbeza. Pembiayaan kepada petani-petani kecil walau pun lebih bercorak pinjaman jangka pendek dan sedikit sahaja keuntungan yang didapati dari kadar faedahnya akan dapat mengubah corak hidup petani-petani itu sendiri walau pun kejayaan pada peringkat permulaan nya tidaklah besar. Ini akan membukakan 'mata' mereka untuk terus meminjam dari Bank Pertanian atau dari usaha sendiri.

Kemungkinan pembiayaan pinjaman kepada mereka akan menjadi sebagai penggalak kepada mereka untuk lebih bergiat lagi. Jika Bank Pertanian masih teragak-agak lagi untuk memberikan pinjaman kepada projek-projek pertanian kecil, ini akan mengukuhkan lagi cengkaman orang-orang tengah dari mana situasi ini telah merupakan suatu yang 'tradisional'. Dan apabila petani-petani ini sudah ada di-dalam cengkaman mereka, proses untuk memajukan dan meninggikan taraf hidup petani-petani kecil tidak akan berjaya.

Ada juga berlakunya penghentian atau pembekuan keatas jenis-jenis pinjaman yang difikirkan kurang menguntungkan penguasaha penguah nya. Antara jenis-jenis pinjaman tersebut ialah ternakan ayam dari tahun 1973-1974 dan pinjaman untok kacang tanah yang dibeku kan sepanjang tahun 1974. Di-antara faktor-faktor yang didapati menyebabkan kegagalan projek-projek tersebut ialah masalah pemasaran dan pencapian herga yang memuaskan, masalah pembayaran balik pinjaman kesesuaian projek, pengeluaran hasil yang tidak memuaskan, kelalaian penguasaha sendiri dan disebabkan oleh pekara yang diluar dugaan umpamanya bencana alam. Mengenai projek menternak ayam, kesemua projek ayam tersebut gagal (terdapat 15 pembiayaan pinjaman hingga tahun 1973). Walau bagaimana pun pembiayaan untok kedua-dua jenis penguasaha diatas telah diberikan sesuai.

Apa yang hendak dipersoalkan disini ialah reaksi Bank ini terhadap projek-projek yang gagal yang hanya dilakukan ialah membuat satu 'critical review' terhadap jenis pinjaman yang gagal itu dan setelah mendapat rumusan terus membekukan pembiayaanya. Untok projek ternakan ayam dikatakan projek yang mempunyai 10,000-25,000 ekor ayam sahaja merupakan projek yang 'viable' dan boleh dibayai.

Adakah kegagalan projek ini pautu dibebankan kepada kelalaian atau kurang pengalaman penternak-penternak kecil?. Purata ternakan ayam yang dibela ialah 3,000 ekor tetapi oleh kerana keadaan infalsi harga bahan-bahan asas menginkat naik ini umpamanya makanan ayam, herga anak-anak ayam yang hendak dibela dan lain-lain.

Apa yang dilakukan oleh Bank Pertanian mengenai projek-projek yang telah dibekukan pembiayaannya dan sekarang telah dibayai semula seperti kacang tanah dan ternakan ayam; ialah mengenai kadar faedah pinjaman yang tinggi (105). Cara begini tidak akan menyelesaikan masalah-masalah kegagalan kerana masalah-masalah dasarnya seperti pemasaran belum lagi diatasi.

Permohonan-permohonan Yang di-tolak:

Didalam membuat pinjaman dari Bank Pertanian Malaysia kerap kalip petani-petani menghadapi masalah-masalah dan kekurangan kekurangan yang menjadi punca penolakan permohonan pinjaman mereka ini boleh dilihat dari pinjaman-pinjaman yang telah di-peroses oleh Bank Pertanian Malaysia bagi tahun 1974, 139, telah diluluskan Kadar jumlah ini tidak termasuk pinjaman-pinjaman yang telah diberikan dibawah sistem pinjaman sekim. Kadar penolakan pinjaman yang di-kira tinggi; ialah dari 255 pinjaman yang di-proses sebanyak 188 Rangkasnya sebanyak 74% dari permohonan yang diproses telah ditolak. Nisbah nilai ditolak dan diluluskan ialah 3:1. Ini menunjukkan setiap \$1 yang diluluskan kebanyak \$3 ditolak. Kadar penolakan setiap \$1 yang itu dan kadar penolakan 74% ini dianggap tinggi dan harus dikaji sebab-sebab atau pun masalah yang menyebabkan permohonan pinjaman petani-petani tersebut di-tolak.

Bilangan 1

Bilangan disini dimaksudkan dengan jumlah pinjaman yang mencatatkan sebab-sebab penolakan seperti yang tersusun dalam jadual. Beberapa sebab diberikan kepada satu permohonan yang ditolak.

JADUAL : 8 SEBAB SEBAB PINJAMAN DITOLAK

SEBAB SEBAB PENOLAKAN	PEMBELIAN TANAH		PERUSAHAAN PERTANIAN		TERNAKAN		PERIKANAN		LAIN TANAMAN		PERUSAHAAN LADANG		KESELURUHAN	
	BIL.	%	BIL.	%	BIL.	%	BIL.	%	BIL.	%	BIL.	%	BIL.	%
1. Pengurusan & pengendalian kurang memuaskan.	11	20.0	7	29.2	11	22.0	6	37.5	17	25.4	-	-	52	24.0
2. Pemohon menank diri tiada jawapan	1	1.8	4	16.6	4	8.0	4	25.5	16	23.9	2	40.0	31	14.3
3. Projek tidak ekonomik/untung rendah.	12	21.8	-	-	9	18.0	-	-	10	14.9	-	-	31	14.3
4. Tiada pembangunan/pembelian antara keluarga.	9	16.4	-	-	-	-	-	-	2	3.0	-	-	11	5.1
5. Bahan-bahan mentah-masalah penawaran (buruh)	-	-	5	20.8	-	-	-	-	-	-	-	-	5	2.3
6. Rancangan pelaksanaan projek tidak teratur.	-	-	2	8.3	5	10.0	3	13.7	-	-	-	-	10	4.6
7. Kurang sumbangan (equity)/cagaran.	2	3.6	1	4.2	4	8.0	1	6.3	4	6.0	-	-	12	5.5
8. Tapak projek tidak sesuai/tanah kepunyaan kerajaan.	3	5.6	-	-	11	22.0	-	-	3	4.5	1	20.0	18	8.3
9. Terkeluar dari dasar Bpm.	2	3.6	1	4.2	-	-	2	12.5	-	-	-	-	5	2.3
10. Rekod bayaran balik tidak memuaskan.	1	1.8	1	4.2	1	2.0	-	-	2	3.0	-	-	5	2.3
11. Masalah pemasaran.	-	-	1	4.2	2	4.0	-	-	4	6.0	-	-	7	3.2
12. Absentee landlord/spekulasi tanah	7	12.7	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	7	3.2
13. Lain-lain sebab ²	7	12.7	2	8.3	3	6.0	-	-	9	13.3	2	40.0	23	10.6
	55	100.0	24	100.0	50	100.0	16	100.0	67	100.0	5	100.0	21.7	100.0

SUMBER : BANK PERTANIAN MALAYSIA

Lain-Lain sebab²

- (i) Pinjaman diperoses oleh badan-badan lain seperti Lembaga pertubuhan Peladang.
- (ii) Tiada penyertaan Bumiputera.
- (iii) Tanah kepunyaan Kerajaan Negeri.
- (iv) Peraturan sewa tanah tiada jelas.
- (v) Tanah haram atau dalam kawasan hitam.
- (vi) Pemohon terlalu tua.
- (vii) Harga tanah terlalu tinggi.
- (viii) Penebusan tanah.
- (ix) Masalah mendapatkan lesen dari Lembaga Padi Negara.
- (x) Pinjaman terlalu kecil dan ternakan dijalankan secara tradisional.

(1) Pembelian Tanah

Sebanyak 55 permohonan telah ditolak dalam tahun 1974. Dari jumlah ini 11 permohonan ditolak atas sebab-sebab pengalaman dan pembelian pengurusan yang kurang memuaskan (20%) dari permohonan yang ditolak bagi pembelian tanah. 21.8% ditolak atas alasan projek tidak ekonomik dan 16.4% permohonan ditolak atas sebab tiada pembangunan (lihat jadual 10. Pinjaman yang diluluskan bernilai \$263,435 iaitu 22% dari nilai permohonan yang di peroses.

(ii) Perusahaan Pertanian

Daripada 35 permohonan diperoses 24% bernilai \$3,992,800 telah ditolak. Sebanyak 29.2% ditolak atas sebab-sebab pengurusan dan pengalaman yang kurang menyakinkan. 20.8% memberikan sebab-sebab penolakan sebagai masalah mengadakan (supply) bahan mentah

dan buruh. Pemohon menarik diri tiada jawapan lanjut sebanyak 16.4%. Walau bagaimana pun pinjaman yang telah diluluskan bernilai \$8,755,500 (lebih kurang 68% dari nilai yang diperoses).

(iii) Ternakan

Sebanyak \$4,000 telah diluluskan berbanding dengan \$1,841,337 yang ditolak (34 permohonan) 22% memberikan sebab penolakan sebagai kelemahan pengurusan dan pengalaman sebagai disebabkan oleh tapak projek yang tiada sesuai atau tidak sesuai dari segi teknik. Projek yang tidak ekonomik sebanyak 18.0%. Kadar penglulusan ialah kurang dari 1%.

(iv) Perikanan

Sebanyak 14 permohonan bernilai \$108,250 telah ditolak dalam tahun 1974. Lebih kurang 37.5% penolakan disebabkan oleh kurang pengalaman dan pengurusan yang meragukan. 25.0% permohonan telah menarik diri atau pun tidak memberi jawapan lanjut. Penolakan permohonan ialah \$108,250 berbanding dengan \$131,900 yang telah diluluskan kadar penglulusan ialah 5%.

(v) Lain-lain Tanaman

Dari jumlah 86 permohonan yang diperoses hanya 25 sahaja yang diluluskan; bernilai \$264,504. Selebihnya (61 permohonan) telah ditolak. Sebab utama penolakan ialah pengurusan dan pengalaman kurang memuaskan iaitu 25.4%. Penolakan atas sebab menarik diri atau tiada jawapan lanjut iaitu 23.9%, 14.9% dari selebihnya ditolak kerana projek tidak ekonomik.

Penolakan berjumlah \$1,075,016 berbanding dengan hanya \$264,504 yang diluluskan. Kadar penolakan boleh dikatakan tinggi iaitu 80%.

(vi) Perusahaan Ladang

Hanya tujuh permohonan sahaja yang diproses dalam tahun 1974. Sebanyak 5 permohonan bernilai \$40,957,400 telah ditolak. 40% dari permohonan tidak membeli jawapan lanjut atau pun menarik diri. Selebihnya adalah disebabkan oleh tapak projek tidak sesuai tiada penyertaan Bumiputra dan permohonan diproses oleh LPP. Pinjaman yang diluluskan berjumlah \$6,651,800 berbanding dengan \$40,957,400 yang ditolak. Kadar penglulusan pinjaman ialah 16%.

Bagi kesimpulannya, untuk mengukur aktiviti-aktiviti pembiayaan keseluruhannya terutama sekali kepada petani-petani kecil, Bank pertanian Malaysia tidaklah begitu berjaya kerana sejak penubuhannya cuma 68 pemohon projek tanaman sahaja yang telah diluluskan iaitu purata 16 permohonan projek tanaman diluluskan setahun. Walau pun nilai purata pinjaman yang diberikan kepada pengusaha perikanan lebih besar dari pertanian tetapi ini bukanlah bermaana nelayan-nelayan kecil secara langsung telah mendapat faedah yang lebih kerana majoriti dari pinjaman besar yang diberikan lebih bercorak projek perdagangan (commercial projects). Sudah pastilah pinjaman ini bukan diperuntukan kepada pengusaha-pengusaha kecil.

itu akan dapat menambahkan keluasan tanah yang dipunyai keperingkat yang ekonomikal, tetapi setiap permohonan untuk projek ini haruslah disertai dengan pembangunan diatas tanah yang dibeli. 'Pembangunan disini diertikan sebagai "menjalankan sesuatu projek bercorak pertanian diatas tanah yang dibeli supaya sekurang-kurangnya wang yang digunakan untuk pembelian tersebut akan dapat diperolehi balik dari pendapatan hasil projek yang dijalankan diatas tanah tersebut.

Kepeluan 'pembangunan' ini amat perlu untuk mengelakkan spekulasi dari pihak pembeli. Sebab-sebab tanah itu hendak dijual harus juga disiasat supaya penggunaan wang yang diterima dari jualan digunakan untuk perkara yang berfaedah.

Untuk projek ternakan pertanian dan perikanan pula keperluan-keperluan seperti yang telah disebutkan di beberapa perenggan diatas tadi juga diperlukan. Ini adalah kerajaan jika projek itu kecil dan pulangan yang diterima dari hasil jualan projek hanya memadai untuk membayar balik wang pinjaman ini tidak akan memberi apa-apa faedah kepada individu yang meminjam dan merugikan pihak Bank untuk kerja-kerja memperoses permohonan pinjamannya.

Masalah Yang Dihadapi Oleh Bank Dalam Memberikan Kredit.

Didalam menjalankan aktibiti pembiayaan kredit Bank

Pertanian tidak terlepas dari masalah-masalah. Didalam pengkajian ini, penulis membahagikan masalah ini kepada empat faktor:

- i. Masalah dalam pentadbiran Bank sendiri.
- ii Masalah pembayaran balik wang pinjaman.
- iii Corak Perkhidmatan dicawangan.

JADUAL 9

JADUAL 10

PINJAMAN PINJAMAN YANG DIKELUARKAN

Nama Pemohon & Jumlah \$	Tarikh Permohonan	Tarikh Siap Lapuran Di Cawangan	Tarikh Keputusan Dibuat	Tarikh Wang Dikeluarkan	Masa Antara Permohonan Keputusan	Masa Antara Keputusan Hingga Pengeluaran
			BUK:			
A1 1800	27/4/74		Jun '74	8/9/74	14/11/74	4 1/2 Bulan
A2 1000	27/4/74		20/6/74	3/9/74	14/11/74	4 1/2 "
A3 1000	27/4/74		Jun '74	3/9/74	15/12/74	4 1/2 "
A4 1900	22/5/74		Jun '74	3/9/74	14/11/74	3 1/2 "
A5 1800	27/4/74		Jun '74	3/9/74	14/11/74	4 1/2 "
A6 1800	27/4/74		Jun 874	3/9/74	14/11/74	4 1/2 "
A7 2300	19/6/74	Ogos 1974		22/8/74	21/11/74	2 1/2 "
A8 1400	21/5/74		Jun '74	3/9/74	14/11/74	3 1/2 "
A9 1200	22/5/74	Julai 1974		20/9/74	31/12/74	4 1/2 "
A10 1000	23/2/74		16/2/74	28/9/74	5/5/73	1 Tahun
A11 3200	14/4/74	11/6/74		3/8/74	26/10/74	3 1/2 Bulan
A12 4500	12/6/73	18/7/74		21/11/73	4/3/74	5 1/2 "
A13 3000	19/4/73	Mei 1973		4/9/73	19/1/74	4 1/2 "
A14 5000	8/7/72			4/9/73	28/2/73	3 1/2 "
A15 2107	Sept. '72			21/9/72	1/10/72	1 1/2 "
A16 1875		Feb. 1973		27/2/73	Mac 73	1 "
A17 1300	14/6/72			22/8/74	8/11/74	2 1/2 "
A18 5000	26/3/72			6/7/72	23/8/72	4 1/2 "
A19 3150	10/12/72		16/3/73	27/4/73	20.6.73	4 1/2 "
A20 1300	16/4/72	24/4/72		6/7/72	Mac 73	2 1/2 "

Sumber: Bank Pertanian Malaysia

Catatan:

Sumber: Bank Pertanian Malaysia

JADUAL 10

PERMOHONAN YANG DITOLAK

Nama Pemohonan & Jumlah Permohonan	Tarikh Permohonan	Tarikh Siap Lapuran Ca-wangam BUK*	Tarikh Keputusan Dibuat	Masa Antara Permohonan Keputusan
A (1059)		Sept. '74	14/11/74	2 Bulan
B (1800)	27/4/74	June '74	3/9/74	4½ Bulan
C (1932)	27/4/74	June '74	3/9/74	4½ "
D (1932)		17/6/74	3/9/74	3 "
E (1932)	27/4/74	20/6/74	3/9/74	4½ "
F (870)	24/4/74	Ogos '74	10/9/74	4½ "
G (659)	24/4/74	27/8/74	20.9.74	1½ "
H (1500)		21/5/74	1/8/74	2½ "
I (2000)	27/5/74		1/8/74	2½ "
J (2240)		13/7/74	1/8/74	½ "
K (1200)	18/8/73	25/4/74	10/8/74	1 Tahun
L (700)	30/12/73	19/7/74	22/8/74	8 Bulan
M (2500)	3/3/74	26/5/74	22/8/74	5 "
N (1932)	27/4/74	20/6/74	29/8/74	4 "
O (1932)	27/4/74	26/6/74	29/8/74	4 "
P (1932)	27/4/74	25/6/74	29/8/74	4 "
Q (1000)	17/6/74	9/7/74	1/8/74	2/ "
R (3700)	16/6/74	6/8/74	22/8/74	2 "

Catitani:

1) *BUK: Bahagian Urusan Kredit, Bank Pertanian Malaysia

Sumber: Bank Pertanian Malaysia

Kelambatan ini bukan saja terdapat untuk mencapai sesuatu keputusan, tetapi kelambatan juga berlaku sewaktu pengeluaran wang pinjaman (Disbursement), walaupun kelulusan pinjaman telah dibuat. Hitung panjang masa yang diambil dari tarikh kelulusan pinjaman hingga wang dikeluarkan lebih kurang 3 bulan. Ini bermaksud Pemohon A 10 hanya mendapat wang pinjamannya setelah 1 tahun 2½ bulan menunggu.

Dari masalah diatas suatu perkara yang pasti dan jelas dilihat ialah masalah kelambatan. Ini ada pertaliannya dengan struktur Bank itu sendiri dimana seperti yang telah diterangkan didalam Rajah .2. (Cara bagaimana pinjaman dibuat), iaitu tiap-tiap keputusan diatas permohonan pinjaman tidaklah dibuat dicawangan-cawangan tetapi di Ibu Pejabat di Kuala Lumpur. Dapatlah dirumuskan sistem Birokrasi dan 'Red-tape' inilah yang menjadi punca kelambatan memproses borang-borang permohonan.

ii) Masalah pembayaran Balik Wang Pinjaman.

Kebanyakan dari petani-petani kecil yang dibiayai oleh Bank ini, adalah terdiri dari mereka yang menjalankan aktiviti pertanian bercorak tanaman jangka pendek. Petani-petani dapat digolongkan kepada dua:-

i) Petani yang dibawah Sekim Pinjaman Bank, umpamanya Sekim Pengeluaran Padi Jangka Pendek dan Sekim Kredit Tembakau serta Pemasaran.

ii) Petani yang dibiayai Bank untuk menanam tanaman jangka pendek lainnya selalu dari padi dan tembakau juga

untuk aktiviti lain umpamanya menternak.

Petunjuk yang jelas mengenai rekod pembayaran balik rancangan kredit yang telah dijalankan boleh dilihat dari Sekim Kredit Padi Jangka Pendek. Jadual.91 merumuskan keadaan sekim ini dari tarikh ianya mula diadakan (1970) hingga 1973. Dapat dilihat bahawa selain dari projek Pertama (musim pertama 1970), tanaman-tanaman yang berikutnya berakhir dengan hutang-hutang pinjaman yang belum dijelaskan dan dalam keadaan yang demikian kemungkinan hutang lapuk (bad debts) tidak dapat dinafikan. Akhir tahun 1973, 12.75 pinjaman yang diberikan menjadi hutang lapuk. Kadar pembayaran adalah diantara 81%-98% semusim iaitu dalam purata 89%. Kadar ini adalah memuaskan (walaupun tarikh pembayaran balik kadangkala dilanjutkan), jika difikirkan Bank Pertanian Malaysia bergantung sepenuhnya kepada ejen-ejennya (pusat Kredit Tempatan) untuk mengutip kembali pembayaran pinjaman-pinjaman.

Mengenai pembayaran pinjaman dalam sekim ini beberapa tinjauan dapat dibuat:-

i) Pembayaran yang seharusnya merupakan aktiviti tiap-tiap musim, adalah dibuat sepanjang tahun. Pengalaman dari sekim ini menunjukkan adalah sangat susah untuk mendapatkan bayaran balik sepenuhnya dalam satu 'cycle' pengeluaran.

ii) Sejumlah besar pengutipan dan pembayaran diterima beberapa bulan selepas penuaian padi.

iii) Ada juga berlaku dimana petani-petani membayar pinjaman dengan sepenuhnya kepada Pusat Kredit Tempatan, tetapi wang tersebut tidak tiba ke Bank. Masaalah ini adalah merupakan penyelewengan dengan Pusat Kredit Tempatan itu sendiri kepada Bank Pertanian.

iv) Walau pun konsep mengintegrasikan kredit dengan pemasaran hasil sebagai penyelesaian masaalah pembayaran balik, (pembayaran balik dengan cara menolek hasil tanaman iaitu pay-in kind), tetapi ini kadang kala mendatangkan kerumitan. Ini adalah kerana berlakunya pertelingkahan mengenai harga padi, peratus yang harus ditolak jika padi itu basah dan lain-lain masaalah lagi. Oleh yang demikian Pusat Kredit Tempatan lebih mengutamakan pembayaran tunai dari pembayaran secara penolakan hasil.

v) Jika difikirkan bertambahnya masaalah-masaalah yang dihadapi apabila penanaman dua kali setahun dimulakan, kadar pembayaran dari sekim ini tidaklah boleh dikatakan sebagai satu kegagalan. Sejumlah besar petani-petani yang masih belum menyelesaikan hutang mereka telah menunjukkan kepastian mereka untuk membayar balik hutang pinjaman².

2

Keterangan ini diberi oleh Pegawai Kemajuan Rancangan Bank Pertanian Malaysia.

Gambaran mengenai pembayaran balik berbedza di dalam pinjaman jangka pendek yang lain (selain dari padi). Dari jumlah pinjaman yang diberikan dari tahun 1971 hingga akhir tahun 1973 (Jadual 12) 29.2% telah dibayar balik, 17% masih dalam tempuh berhutang (current) iaitu tempuh pembayaran selepas tahun 1973 dan 53.8% telah menjadi hutang lapuk.

Situasi seperti ini adalah tidak menggalakan bagi kemajuan Bank Pertanian Malaysia. Pengalaman seperti ini adalah perkara yang biasa bagi institusi-institusi pembangunan dalam rancangan kredit mereka. Dapat juga dibuat rumusan mengapakah terjadinya kadar kegagalan membayar balik pinjaman.

Pertama, bolihlah dikatakan peminjam (petani) sendiri enggan membayar balik pinjaman yang telah diberikan walau pun ia mempunyai pendapatan yang mencukupi untuk berbuat demikian. Dalam hal ini tindakan undang-undang terpaksa dilakukan untuk mendapatkan balik pembayaran. Dari Sekim Pengeluaran Padi Jangka Pendek, terdapat petani-petani yang telah bertambah pendapatan mereka hasil dari inputs yang telah dibiayai oleh Bank dalam sekim ini. Tetapi oleh kerana sebab-sebab persendirian mereka enggan membayar balik pinjaman. Walau bagaimana pun contoh-contoh seperti ini bukanlah merupakan sebab utama mengapa kadar pembayaran balik begitu rendah.

Jadual 12 PINJAMAN UNTUK TANAMAN JANGKA PENDEK 1971 - 1973.

Jenis Tanaman	Jumlah Di-luluskan	Kedudukan Pinjaman Sehingga 31 Dec. 1973.				Baki pada 31 Dec. 1973.			
		Jumlah Di-keluarkan	Paedah	Tuntutan Lain	Jumlah	Penerimaan Balik	Jumlah	Tuntutan Semasa	Tuntutan Kebelakangan
1. Kacang Tanah / Kambing Biri-biri.	10,000	10,000	1,619	54	11,633	(200)	11,433	11,433	-
Jumlah Kecil (1971)	10,000	10,000	1,619	54	11,683	(200)	11,483	11,483	-
2. Kacang Tanah	13,720	13,720	-	1,046	14,766	(819)	13,947	-	13,947
3. Kacang Tanah	1,920	1,660	35	7	1,702	(1,500)	202	-	202
4. Kacang Tanah	4,640	4,640	123	-	4,763	(4,763)	Pinjaman Selesai		
5. Kacang Tanah	3,596	3,596	91	125	3,812	(-)	3,812	-	3,812
6. Pisang	4,000	4,000	303	-	4,303	(1,610)	2,693	2,693	-
7. Pisang	950	810	85	-	896	(896)	Pinjaman Selesai		
8. Pisang	2,795	2,308	186	-	2,494	(-)	2,494	2,494	-
9. Pisang	3,000	2,000	269	12	2,281	(1,660)	621	475	146
10. Koko	7,570	2,780	162	-	2,942	(-)	2,942	2,942	-
11. Nenas	2,440	2,102	143	-	2,245	(-)	2,245	2,245	-
12. Kelapa	850	843	8	-	851	(-)	851	-	851
13. Tembikai	6,796	6,800	185	-	6,985	(6,985)	Pinjaman Selesai		
14. Ubi Kayu	22,900	17,010	1,789	702	19,501	(-)	19,501	-	19,501
15. Ubi Kayu	8,700	8,700	1,090	170	9,960	(7,030)	2,930	-	2,930
16. Ubi Kayu	5,208	3,391	211	39	3,641	(1,636)	2,005	-	2,005
17. Ubi Kayu	18,560	18,811	777	154	19,742	(10,722)	9,020	-	9,020
18. Kacang Tanah	1,000	1,000	27	-	1,027	(1,027)	L o a n S e t t l e d		
19. Kacang Tanah	1,554	1,554	52	-	1,606	(1,350)	256	-	256
20. Kacang Tanah	2,200	2,200	73	-	2,273	(2,273)	Pinjaman Selesai		
Jumlah Kecil (1972)	112,399	97,925	5,610	2,255	105,790	(42,271)	63,519	10,849	52,670

21. Kacang Tanah	18,370	18,522	540	517	19,579	(-)	19,579	-	19,579
22. Kacang Tanah	15,638	15,591	509	485	16,505	(530)	16,055	-	16,055
23. Kacang Tanah	21,690	9,402	183	-	9,590	(9,590)	Pinjaman Selesai		
24. Kacang Tanah	1,875	1,782	11	55	1,848	(1,821)	27	-	27
25. Kacang Tanah	16,560	15,270	409	442	16,122	(1,482)	14,639	-	14,639
26. Kacang Tanah	16,990	16,880	367	593	18,040	(-)	18,040	-	18,040
27. Kacang Tanah	2,445	2,414	45	73	2,532	(280)	2,252	-	2,252
28. Kacang Tanah	1,000	794	40	-	834	(515)	319	319	-
29. Kacang Tanah	2,426	1,575	42	-	1,618	(1,618)	Pinjaman Selesai		
30. Kacang Tanah	1,800	1,358	62	-	1,421	(1,421)	Pinjaman Selesai		
31. Ubi Kayu	16,400	13,600	357	-	13,957	(-)	13,957	13,957	-
32. Kelapa	1,400	1,400	80	-	1,480	(-)	1,480	1,480	-
33. Linau Langkat	2,569	1,376	37	-	1,413	(-)	1,413	1,413	-
34. Tembikai	7,140	3,938	78	-	4,016	(4,016)	Pinjaman Selesai		
35. Kacang Tanah	8,020	4,530	115	-	4,645	(4,651)	(5)	(5)	-
36. Kacang Tanah	2,628	2,628	50	36	2,694	(-)	2,694	-	2,694
Jumlah Kecil (1973)	136,951	111,051	3,212	2,201	116,374	(25,924)	90,450	17,164	73,285
JUMLAH BESAR	259,350	218,985	10,341	4,520	133,847	(68,395)	165,452	39,496	125,956
					100%	29.2%	70.8%	16.9%	57.8%

mencapai tujuan asalnya kerana penerima kredit akan memikirkan bahawa Kerajaan memang bertanggungjawab penuh memberikan kepada mereka perkhidmatan kredit. Kegagalan untuk mencapai tujuan rancangan ini juga mungkin berlaku jika mereka (peminjam-peminjam) merasa sangsi terhadap kejujuran dan ketegasan institusi - institusi perkhidmatan awam. Pemberian kredit dari Kerajaan haruslah dilaksanakan secara berhati-hati. Jika tidak rancangan ini tidak akan dapat mencapai tujuan asalnya kerana penerima kredit akan memikirkan bahawa Kerajaan memang bertanggungjawab penuh memberikan kepada mereka perkhidmatan kredit. Kegagalan untuk mencapai tujuan rancangan ini juga mungkin berlaku jika mereka (peminjam-peminjam) merasa sangsi terhadap kejujuran dan ketegasan institusi-institusi kredit Kerajaan.

Keempat, faktor-faktor kegagalan membayar balik boleh juga dibahagikan kepada 3 kategori:-

a) Faktor-faktor yang bersangkutan dengan peminjam

Dibawah kategori ini, petani-petani yang harus disalahkan kerana kegagalan rancangan kredit pertanian. Faktor-faktor tersebut meliputi sikap 'conservative' petani-petani terhadap kredit, penyalahgunaan wang pinjaman, tidak mengikuti dan mempunyai peraturan menjalankan projek pertanian seperti yang telah diaturkan. Ini menyebabkan kekurangan pertambahan pendapatan dari projek pertanian walau pun kredit telah diberikan.

b) Faktor-faktor yang bersangkutan dengan institusi kredit.

Institusi-institusi kredit pertanian sendiri mempunyai polisi pembayaran balik yang tidak kukuh. Tidak ada strategi yang

tegas untuk mengambil tindakan kepada mereka-mereka yang gagal membuat pembayaran balik. Malahan kebanyakan daripada institusi-institusi ini tidak berusaha bersungguh-sungguh untuk 'menapis' peminjam peminjam yang dalam kategori 'high risk' oleh kerana tujuan 'am institusi (umpamanya, menambahkan lagi bilangan petani-petani yang menerima perkhidmatan kredit) tidak mengutamakan kepentingan cara menerima pembayaran balik pinjaman. Cara pengawasan dan penerimaan pembayaran balik masih berforak lama. Rekod pembayaran yang tidak sempurna diinstitusi-institusi ini juga merupakan salah satu dari kelemahannya.

c) Faktor yang berkaitan dengan keadaan alam sekeliling

Keadaan sektor pertanian dinegara membangun sedikit sebanyaknya menentukan kebolehan rancangan kredit luar bandar mereka.

Kekurangan kawasan yang sesuai untuk pertanian, keadaan tanah yang kurang baik, keadaan iklim yang tidak tentu dan kekurangan kemudahan pengairan selalunya membawa kepada pengeluaran pertanian yang rendah. Di setengah-tengah tempat juga mengalami bencana alam seperti banjir dan kemarau. Dalam keadaan yang sebegini tidak mungkin peminjam-peminjam dapat membayar balik pinjaman mereka. Kesemua faktor-faktor di atas menyebabkan kadar pembayaran yang rendah dialami oleh institusi-institusi pembangunan di negara membangun seperti di Malaysia ini.

(iii) Corak Perkhidmatan Di Cawangan

Kurangnya cawangan-cawangan Bank Pertanian juga mungkin merupakan salah satu faktor yang mengurangkan aktiviti-aktiviti

ini pada keseluruhannya. Oleh kerana beberapa faktor-faktor lain, seperti jarak jauh, kesulitan pengangkutan dan kekurangan 'upaya' cawangan bank ini memberikan layanan yang sama seperti bank-bank perdagangan lainnya. Bank Pertanian sukar menguasai aktiviti pembiayaan dibandingkan dengan bank-bank perdagangan yang lain umpamanya Malayan Banking yang mempunyai cawangan-cawangan di hampir seluruh bandar atau pekan-pekan kecil di Semenanjung Malaysia.

Dengan kekurangan cawangan ini bukan sahaja aktiviti pembiayaan pinjaman terjejas tetapi juga aktiviti 'banking' yang lain seperti penyimpanan wang (Savings deposit) di cawangan-cawangan. Peminjam di galakkan menyimpan wang di Bank Pertanian tetapi adalah perkara yang menyulitkan juga jika tempat tinggal peminjam jauh dari cawangan bank dan ia terpaksa berulang alik hanya untuk menguruskan soal-soal peminjaman dan pengeluaran simpanannya. Di Perak umpamanya, Cawangan Bank Pertanian yang letaknya di Bagan Serai. Adalah perkara yang sukar untuk petani-petani dari kawasan Bagan Datok dan Teluk Anson untuk pergi sejauh 120 batu untuk memohon pinjaman atau menyalahgunakan hal-hal bank. Pegawai-pegawai bank juga tidak akan dapat menyalahgunakan tugasnya dengan sempurna (membuat penyalahgunaan pinjaman, melihat kemajuan projek dan lain-lain) kerana masanya adalah terhad.

Bank ini ada juga cuba menggunakan 'mass media' seperti akhbar, radio dan televisyen untuk memperkenalkan institusi ini kepada rakyat. Walau pun sukar hendak mengukur betapa efektifnya 'pengenalan'

cara ini tetapi dirasakan cara begini sahaja tidaklah mencukupi.

3. Kajian Perbandingan Yang Telah di buat Keatas Negara-negara Lain⁴

Bahagian ini merupakan kajian mengenai kadar pembayaran balik pinjaman di negara-negara membangun yang dikaji oleh Agensi Pembangunan Antarabangsa (AID). Dari hasil kajian ini akan di perhatikan masalah dan kadar pembayaran balik dan juga melihat pengalaman institusi tersebut. Dengan cara ini dapatlah juga di buat kajian perbandingan secara am dengan apa yang berlaku di institusi Bank Pertanian Malaysia.

1. Turkey

Di Negara Turkey terdapat juga institusi yang sama seperti Bank Pertanian Malaysia dipanggil Turkish Republican Agricultural Bank. Bank ini memberikan kredit keatas segala projek pertanian, termasuk juga kredit jangka masa panjang. Di dapati pembayaran balik kredit yang diberikan semakin buruk tahun demi tahun. Dalam tahun 1970, sebanyak 29% tidak membayar balik dan tahun selepasnya meningkat hingga 47%. Bank ini sekarang sedang mengkaji untuk mengemaskan lagi kadar pembayaran balik. Polisi yang diikuti ialah dengan cara mengutamakan 'quality' dalam menjalankan ladang dan bukannya mementingkan jumlah peminjam.

⁴

Study by Agency for International Development Spring of Small Farmer Credit Dept. of State Washington D.C. 20523.

Dalam kajian yang dibuat di dapati kadar yang tidak mem-
bayar balik adalah lebih tinggi pada petani, 'besar' dari petani
kecil. Ini adalah kerana petani 'besar' ini boleh menggunakan
pengaruh mereka untuk menahan tekanan yang dikenakan kepada mereka
untuk membayar balik pinjaman kredit.

2. Jordan

Kredit untuk sektor pertanian disini dijalankan oleh
Agricultural credit Corporation of Jordan. Kadar pembayaran balik
dinegara ini pun amat rendah juga. Dari tahun 1966 hingga 1971 purata
kadar pembayaran balik cuma 35% setahun.

3. Afghanistan

Di Afghanistan terdapat Agricultural Development Bank of
Afghanistan. Kadar pembayaran balik tiap-tiap tahun ialah 60%. Salah
satu sifat yang istimewa di Bank ini ialah ianya menetapkan peratus
bagi tiap-tiap pinjaman yang dibuat untuk dikira sebagai hangus (write
off).

4. Chile

Di Chile INDAP (Institute De Sarrrollo Agropecuario) menjalan-
kan aktiviti kredit kepada petani-petani Institusi ini juga mengalami
kemerusatan kadar pembayaran balik. Di tahun-tahun kebelakangan,
purata pembayaran balik cuma antara 40% hingga 45% dalam setahun.

5. Tunisia

National Bank of Tunisia memainkan peranan penting dalam
pemberian kredit. Di sini kadar kegagalan pembayaran balik pinjaman

berbeza mengikut kawasan dan masa kadar pembayaran balik adalah dibawah 50%.

6. Uganda

Kredit pertanian kepada petani-petani kecil di Uganda adalah di bawah kelolaan Seksi Kooperatif ' Agricultural Department Goverment of Uganda. Beberapa rancangan seperti scheme kredit kerjasama telah di jalankan oleh Jabatan ini. Pembayaran baliknya juga rendah cuma diantara 50 -60% setahun.

7. Indonesia

Di Indonesia, Bank Rakyat Inonesia dan Bank Bumi Daya merupakan dua institusi kerjaan yang bertanggung jawab memberikan kredit pertanian kepada petani-petani Indonesia. Tidak ada bezanya pengalaman yang dihadapi oleh institusi Bank Indonesia ini jika dibandingkan dengan bank pembangunan di negara-negara lain. Rancangan kredit di Indonesia ini lebih ditujukan kepada pengeluaran padi, yang merupakan aktibiti terpenting petani kecil di negara tersebut.

Kebanyakan dari rancangan kredit kedua institusi ini tidak mencapai kejayaan sepenuhnya. Salah satu daripada masaaalah yang dihadapi ialah kerana kepadatan jumlah penduduk di kawasan padi. Kadar pembayaran balik ialah 60% setahun.

8. Thailand

Bank of Agricultural dan Agricultural Cooperatives (BAAC) merupakan institusi utama di Thailand yang menjalankan aktibiti kredit. Sistem yang dijalankan ialah melalui tanggung jawab bersamaan kumpulan (Group joint liability). Ini adalah untuk menyenangkan keperluan

cagaran menyenangkan lagi perbelanjaan untuk pengawasan dan meninggikan lagi kadar pembayaran.

Kadar pembayaran kepada Bank diatas beberapa projek boleh dikatakan memuaskan juga. Dalam tahun 1970/1971, purata kadar pembayaran balik ialah 65%.

Malaysia : (Bank Pertanian Malaysia)

Malaysia dan Bank Pertanian Malaysia khususnya mengalami masalah asas yang sama iaitu pembayaran balik kredit yang diberikan. Pembayaran balik pinjaman bagi tiap-tiap jenis sekim pinjaman Bank Pertanian jelas memperlihatkan situasi yang dihadapi oleh institusi ini.

Dari Jadual 9 (Skim Kredit Pengeluaran Padi Jangka Pendek, Penggunaan kredit dan pembayaran balik), hingga akhir musim pertama tahun 1973 pembayaran balik ialah 87.3 peratus. Dari Jadual 12, (Pinjaman Untuk Tahunan Jangka Pendek 1971-1973) pembayaran balik yang diterima berjumlah 29.2% sahaja.

Jika peratus dari Jadual-Jadual diatas diambil sebagai ukuran, ini jelas menunjukkan bahawa rekod pembayaran balik adalah tidak memuaskan bagi pinjaman Skim Kredit Pengeluaran Padi mungkin kerana sistem yang digunakan iaitu pembayaran balik dipungut oleh Pusat Kredit Tempatan Bank Pertanian dikawasan skim tersebut lebih menyenangkan kepada peminjam-peminjam, Tanaman Jangka Pendek pula mereka terpaksa membayar sendiri kepada Bank Pertanian dan oleh yang demikian mungkin beberapa kesulitan

dihadapi. (lihat Bab V).

Rumusan

Seperkata yang menarik perhatian disini ialah beberapa institusi kredit dinegara-negara membangun itu adalah 'baru'. Ini adalah kerana institusi seperti ini timbul dari institusi-institusi sebelumnya yang telah diperkenalkan oleh kerajaan masing-masing, tetapi telah tidak dapat menjalankan fungsi mereka dengan berkesan. Institusi yang 'baru' ini bukan saja terpaksa membeban masalah yang telah dihadapi, tetapi juga hutang-hutang yang telah terhimpun keatas institusi sebelumnya.

Di dalam keadaan yang begini, adalah tidak menghairankan jika institusi baru ini terpaksa menghadapi kadar pembayaran balik yang rendah pada permulaannya.

BAB V

HALANGAN-HALANGAN PENERIMAAN KREDIT

DI KALANGAN PETANI

Pengenalan:

Masalah sosio-ekonomi sememangnya terdapat dikalangan-kalangan petani-petani yang cuba mendapatkan pembiayaan dari Bank Pertanian. Kerap kali masalah-masalah beginilah yang menyebabkan kegagalan mereka untuk diberi pembiayaan. Atau pun sedikit-tidaknya Bank Pertanian merasa curiga tentang kejayaan yang dapat di capai dari satu-satu projek. Bab ini akan mengkaji masalah-masalah tersebut juga untuk mengetahui mengapakah sebilangan besar permohonan-permohonan untuk kredit ditolak oleh pihak Bank Pertanian.

Kekurangan Pengalaman

Hasil dari keluasan tanah yang tidak ekonomikal, petani-petani terpaksa menjalankan kerja-kerja lain sebagai tambahan mata pencarian. Usaha-usaha sampingan ini termasuklah menanam ubi kayu, sayur-sayuran, bertukang kayu atau sebagai buruh kasar. Malahan terdapat juga golongan professional umpamanya, guru atau pegawai kerajaan cuba pula menjalankan projek pertanian sebagai menambah pendapat yang sedia ada. Tetapi pihak Bank Pertanian menetapkan bahawa tiap-tiap peminjam mestilah mengerjakan projeknya secara 'penuh masa' dan mempunyai pengalaman untuk menjalankan projeknya itu. Jika difikirkan ada juga kebenarannya diatas syarat yang

ditetapkan ini kerana seperti yang telah disebutkan dihalaman sebelum ini, projek (technique of growing rearing) juga amat mustahak kerana kekurangan dari segi ini akan mengagalkan projek.

Bagi petani-petani yang menjalankan projek secara besar-besaran, ia tidak akan menghadapi kesukaran menjalankan projeknya secara penuh masa. Masaalah yang timbul adalah pada petani-petani kecil, yang memerlukan juga penapatan sampingan harian, dari kerja-kerja sambilan yang lain. Petani-petani juga merasa curiga untuk membuat pengkhususan dalam pertanian. Ini adalah kerana seperti mana pendapat Brian K. Parkinson:

"First and in common with agriculturist in many under-developed countries, the rural Malays see forces which shape their world as being caproicious and arbitrary as being the work of some power freater than themselves, over which they have no control".

Atas alasan penguasahaan pertanian secara 'part-time' ini menyebabkan 52 permohonan atau 24% dari keseluruhan permohonan ditolak atas sebab diatas.

Pinjaman dan Projek Ternakan kecil

Terdapat juga keluasan projek yang hendak dijalankan (dari segi pemilikan tanah atau bilangan tennakan yang hendak dibela) tidak ekonomikal. Adalah difikirkan untuk mencapai pendapatan berseh sekurang-kurangnya \$200 sebulan, petani pemilik yang menjalankan.

1
Parkinson, Brian K; Non Economic Factors In Retardation of Malaya, Dalam Modern Asian Studies, Vol 1 Bahagian 1, June 1967. Hal. 38.

tanaman dua kali setahun mestilah mengerjakan ternakan padi seluas enam ekar; sementara petani-petani penyewa perlu mengerjakan lebih kurang lapan ekar.²

Bagi tiap-tiap permohonan pinjaman, pegawai-pegawai Bank Pertanian membuat laporan projek-projek yang dicadangkan oleh pemohon-pemohon dan disamping itu mengira juga untung-rugi dan aliran kewangan (cash-flow) projek. Jika didapati keuntungan dari projek tidak sepadan dengan tenaga dan masa yang dicurahkan oleh petani adalah dianggap projek tersebut tidak menguntungkan (not viable) dan tidaklah dapat diberikan pinjaman. Ini adalah difikirkan kerana pinjaman yang diberikan bukan merupakan 'pertolongan' tetapi akan menjadi beban kepada peminjam kerana dari keuntungan yang sedikit itu, ia akan terpaksa membayar semula wang di pinjam berserta dengan faedahnya.

Jelaslah disini jika fakta keluasan yang ekonomikal dijadikan kriteria untuk mendapatkan pinjaman, petani-petani kecil yang terhad keluasan pemilikannya tidak akan dapat diberi pembiayaan. Di dalam Jadual 12, (Sebab-sebab Pinjaman Ditolak) didapati 14.3% pinjaman ditolak kerana sebab diatas.

Ketiadaan Tanah

Kerap kali didapati kesulitan memberikan pembiayaan kerana

2

Ukuran yang dibuat oleh Jawatankuasa Memodenkan Sektor Pertanian, Taklimat Kedua Kepada Jawatankuasa Kerja Majlis Tindakan Negara. 12 Dis, 1973.

tanah yang dicadangkan untuk projek adalah masih kepunyaan kerajaan. Tanah-tanah ini samada masih bertaraf tanah Hak Milik Sementara (T.O.L), tanah haram atau kedudukan tanah tersebut didalam kawasan yang diistiharkan kerajaan sebagai kawasan Hitam.

Ada diantara petani-petani yang telah bermastautin disesuatu kawasan buat beberapa ketika tanpa menyedari bahawa kawasan tersebut adalah tanah kepunyaan kerajaan atau pun tanah itu hanya diberi status Hak Milik Sementara sahaja, dan akan ditarik balik oleh kerajaan jika pihak berkenaan memerlukan untuk pembangunan kelak.

Ketiadaan tanah hak milik sendiri juga merupakan salah satu masalah sosio-ekonomi petani-petani. Walaupun pihak kerajaan telah mengadakan beberapa rancangan tanah seperti yang dijalankan oleh MELDA, FELCRA dan Kerajaan Negeri; tetapi masih banyak lagi petani-petani yang menetap di kawasan lama mereka. Dengan keadaan begini, kedudukan mereka adalah tidak terjamin kerana mereka boleh dikeluarkan dari kawasan tempat tinggal pada bila-bila masa kawasan itu diperlukan oleh pihak berkuasa. Oleh hal yang demikian, pembiayaan kepada mereka tidak mungkin dapat diberikan.

Cagaran

Jika dikaji dari segi polisi peminjaman Bank Pertanian, antaranya menekankan tiap-tiap pinjaman haruslah disertai dengan cagaran sebagai sandaran kepada pinjaman mereka. Selalunya tanah milik peminjam dijadikan cagaran keatas pinjamannya. Tetapi dari segi pelaksanaan keatas pinjaman kecil, cara atau keperluan ini tidaklah 'realistik'

kerana selain dari nilai pinjaman yang kecil yang dipohon oleh petani-petani gulungan rendah, kebanyakan dari mereka tidak mempunyai tanah langsung untuk dicagarkan atau tanah milek yang tidak mencukupi nilainya untuk dijadikan sandaran. Segulungan besar petani-petani kecil ini juga menyewa tanah orang (umpamanya untuk menanam padi) dan sebahagian dari hasil tanaman tersebut terpaksa diketepikan untuk pembayaran sewa kepada Tuan tanah. Tanah yang di sewa ini pula tidak boleh dijadikan cagaran tanpa kebenaran pemileknya.

Polisi yang menekankan cagaran oleh Bank Pertanian ini adalah berbedza dengan bank-bank perniagaan lain umpamanya 'The Chartered Bank', Bank Bumiputra dan lain-lain, dimana pinjaman dibawah 5,000 ringgit tidak dikenakan apa-apa cagaran; ianya cuma memerlukan dua penjamin sahaja. Walau bagaimana pun bank-bank perniagaan tersebut dapat berbuat demikian kerana mereka berkerjasama dan mendapat jaminan dari Syarikat Jaminan Kredit (Credit Gurrantee Corporation);³ Bank Pertanian Malaysia tidak termasuk di dalam Sekim CGC ini kerana ianya bukanlah bank perdagangan.

³ Dalam sistem CGC ini tiap-tiap bank perdagangan mesti menguntukkan 10% dari jumlah wang simpanan (Saving De posit) kepada syarikat Jaminan Kredit. Jumlah 10% inilah yang dikeluarkan sebagai pinjaman untuk membiayai projek peminjam. Pinjaman tidak lebih dari \$5,000 tidak dikenakan apa-apa cagaran, hanya diperlukan 2 pinjaman sahaja. Kadar faedah yang dikenakan ialah 9% Dalam sekim ini Syarikat Jaminan Kredit menjamin 60% dari jumlah pinjaman yang dikeluarkan. Walau bagaimana pun penjamin-penjamin harus membayar semua baki-baki hutang jika terjadi kegagalan balik pembayaran.

Pemasaran Hasil Pertanian

Walau pun kerajaan telah mengadakan ejensi-ejensi untuk membeli hasil pengeluaran petani umpamanya Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan, Lembaga Padi Negara, Lembaga Tembakau Negara dan Maju ikan; tetapi pernana yang dapat dijalankan oleh ejensi-ejensi ini adalah terhad. Ini adalah disebabkan oleh faktor-faktor seperti kekurangan kewangan, kekurangan kaki tangan, pengangkutan dan ketidadaan pasaran bagi hasil yang dibeli. Oleh yang demikian pembeli-pembeli persendirian yang lebih merupakan orang-orang tengah masih dapat menguasai pembelian dan menetapkan harga keatas hasil pengeluaran petani-petani tersebut.

Kerap kali terdapat tuduhan-tuduhan yang mengatakan bahawa kadang kala petani-petani tersebut yang berkerjasama dengan orang tengah dan inilah yang menyebabkan kegagalan ejensi-ejensi tersebut menjalankan peranan mereka dengan memuaskan. Tetapi ini adalah pandangan yang 'idealistic' dan secara kasar sahaja kerja jika dikaji dari keperluan utama petani iaitu mendapatkan harga yang tinggi dan wang yang cepat, kita tidaklah apat menyalahkan petani-petani ini seratus peratus. Pihak Lembaga Padi Negara misalnya sebelumnya membayar harga padi yang basah dan lain-lain. Jika didapati peratus padi yang basah itu tinggi, maka harga yang diberikan adalah rendah dari harga yang ditetapkan. Tetapi pada pandangan petani-petani tersebut ejensi kerajaan ini tidak dapat memberikan harga yang memuaskan dan memberi faedah kepada mereka.

Bagi pembeli-pembeli persendirian pula mereka tidaklah mengira

sangat kualiti hasil yang dijual dan memberikan harga yang tinggi dari yang dapat dibayar oleh ejensi kerajaan. Pembeli-pembeli persendirian ini pada mulanya sanggup rugi sedikit untuk terus dapat menguasai hasil pertanian itu. Penguasaan dijalankan pada mulanya dengan cara memberikan harga yang tinggi, memberikan kemudahan kepada petani untuk 'berhutang' dan lain-lain. Apabila petani-petani ini telah dapat dikongkong, mereka mulalah menkan petani-petani yang berhutang itu.

Pihak Bank Pertanian pula memerlukan pemasaran yang tetap keatas hasil-hasil projek pemohon sebelum permohonannya dipertimbangkan. Untuk mendapatkan pemasaran yang tetap dengan harga yang tinggi dan stabil bukanlah merupakan sesuatu yang mudah kerana aspek soal pemasaran tidak dapat dikuasai atau ditentukan oleh petani-petani. Oleh yang demikian masalaah ini juga merupakan perkara yang merumitkan dan melibatkan juga permohonan pinjaman mereka dari Bank Pertanian.

Umur dan Minat Bertani

Terdapat juga diantara petani-petani yang membuat permohonan telah lewat umur mereka. Bank Pertanian telah menetapkan bahawa hanya pemohon-pemohon yang berumur 55 tahun kebawah akan diberi pertimbangan diatas permohonan mereka.

Masalaah kelewatan umur disini boleh memberi beberapa kesan dan implikasi tertentu:-

- a) Mata pencarian dari aktiviti pertanian merupakan pekerjaan tradisional dikalangan masyarakat luar bandar dan pekerjaan ini diusahakan, walaupun seseorang itu telah begitu lanjut

ini menyebabkan gulungan belia tertarik bekerja dalam sektor ini.

Masalah ini dapat dilihat dari lapuran akhbar mengenai kejatuhan harga kelapa kering.⁵

"Pekebun-pekebun kelapa di kawasan Hutan Melintang, Teluk Baharu Rungkup dan Bagan Datuk yang mengalami kemerosotan pendapatan antara lain menyatakan bahawa walaupun harga kelapa kering telah jatuh tetapi upah buruh mengait, mengupas dan menyalai kelapa tetap tidak turun. Malahan ada dikalangan belia yang membuat kerja-kerja ini sudah tidak mahu bekerja di kebun kelapa lagi jika upah yang diberikan rendah berbanding dengan gaji harian rakan-rakan mereka yang bekerja kilang-kilang yang berdekatan."

Dari implikasi dan situasi di atas jelas memperlihatkan, tenaga manusia yang menjalankan aktiviti pertanian di luar bandar adalah terdiri dari mereka yang telah lanjut usia.

Dedikasi dan Sikap Petani Terhadap Projeknya:

Di antara beberapa permohonan yang ditolak termasuklah juga mereka yang telah diberi kredit, tetapi dihentikan pembiayaan itu se-paruh jalan. Bagi mereka yang di dalam gulungan ini, kegagalan-kegagalan untuk mendapatkan pembiayaan seterusnya mencerminkan ketidak-sungguhan mereka menjalankan projeknya. Kerap kali kegagalan mencapai penghasilan dari projek adalah kerana peminjam-peminjam itu sendiri tidak mengikuti pelan rancangan yang disediakan oleh Bank Pertanian.

5

Berita Harian. 3hb. February 1975, Tajuk, Penduduk-Penduduk Empat Mukim Gelisah Kerana Harga Kelapa Jatuh.

ini menyebabkan golongan belia tertarik bekerja dalam sektor ini.

Masalah ini dapat dilihat dari lapuran akhbar mengenai kejatuhan harga kelapa kering.⁵

"Pekebun-pekebun kelapa di kawasan Hutan Melintang, Teluk Baharu Rungkup dan Bagan Datuk yang mengalami kemerosotan pendapatan antara lain menyatakan bahawa walaupun harga kelapa kering telah jatuh tetapi upah buruh mengait, mengupas dan menyalai kelapa tetap tidak turun. Malahan ada dikalangan belia yang membuat kerja-kerja ini sudah tidak mahu bekerja di kebun kelapa lagi jika upah yang diberikan rendah berbanding dengan gaji harian rakan-rakan mereka yang bekerja kilang-kilang yang berdekatan."

Dari implikasi dan situasi di atas jelas memperlihatkan, tenaga manusia yang menjalankan aktiviti pertanian di luar bandar adalah terdiri dari mereka yang telah lanjut usia.

Dedikasi dan Sikap Petani Terhadap Projeknya:

Di antara beberapa permohonan yang ditolak termasuklah juga mereka yang telah diberi kredit, tetapi dihentikan pembiayaan itu se-paruh jalan. Bagi mereka yang di dalam golongan ini, kegagalan-kegagalan untuk mendapatkan pembiayaan seterusnya mencerminkan ketidak-sungguhan mereka menjalankan projeknya. Kerap kali kegagalan mencapai penghasilan dari projek adalah kerana peminjam-peminjam itu sendiri tidak mengikuti pelan rancangan yang disediakan oleh Bank Pertanian.

5

Berita Harian. 3hb. February 1975, Tajuk, Penduduk-Penduduk Empat Mukim Gelisah Kerana Harga Kelapa Jatuh.

Umpamanya masa yang ditetapkan untuk membersekan kawasan projek tidak dituruti, jenis makanan ternakan atau baja untuk tanaman tidak dibeli dan lain-lain.

Ada juga berlaku dimana peminjam telah berkahwin dua, setelah mendapat keuntungan dari projeknya. Pada mulanya peminjam menjalankan projek ternakan ayam dengan dibantu oleh isterinya yang pertama. Tetapi setelah beroleh kejayaan dari projeknya, ia berkahwin lain dan ini menyebabkan isterinya yang pertama enggan menolong meneruskan projek. Seterusnya peminjam juga telah mulai lalai berjalan projek itu. Dengan hal yang demikian segala rancangan projek yang telah pun dijalankan itu menemui kegagalan.

Dari beberapa kajian kes didapati ada diantara peminjam-peminjam yang menggunakan wang pendapatan untuk projek bagi membeli perabut-perabut rumah yang baru, perbelanjaan kenduri dan sebagainya. Tetapi yang menghairankan mereka tidak mampu pula untuk membayar balik wang yang dipinjamnya.

Masalah lain dari pembayaran balik wang pinjaman ini ialah terdapat perbezaan 'pandangan' diantara petani yang meminjam dari bank perdagangan (Commercial Bank seperti Chartered Bank, Malayan Banking dan lain-lain) dengan yang meminjam dari Bank Pertanian yang merupakan ejensi Kerajaan. Didapati hitung panjang pembayaran balik di bank perdagangan adalah baik dan tetap (constant). Tetapi jika dibandingkan dengan pembiayaan dari ejensi kerajaan (Umpamanya MARA dan Bank Pertanian) terdapat ada diantara peminjam-peminjam

yang cuba menyeleweng. Adalah difikirkan bahawa sikap dan pandangan sejumlah masyarakat keatas badan atau ejensi kerajaan ini masih tidak berubah iaitu, memikirkan bahawa segala pemberian adalah percuma dan mungkin juga mereka cuba menduga ketegasan ejensi-ejensi kerajaan kepada rakyat. Mungkin juga bank perdagangan lebih cepat mengambil tindakan undang-undang dari ejensi-ejensi kerajaan jika pembayaran balik tidak diselesaikan pada waktu yang telah ditetapkan.

Perhubungan Antara Petani-Petani Dengan Pegawai Bank Pertanian

Perhubungan diantara kedua belah pihak iaitu diantara peminjam (petani-petani) dengan pemberi (Bank Pertanian) dalam konteks pembangunan adalah amat diperlukan kerana den an adanya interaksi seperti ini dapatlah kedua belah pihak memahami masalah masing-masing.

Jika dikeji dari apa yang berlaku sekarang didapati perhubungan antara kedua belah pihak adalah diperingkat minima dan terhad. Di peringkat Ibu Pejabat di Kuala Lumpur misalnya, amat kurang sekali petani-petani yang datang untuk mendapatkan penerangan-penerangan dari pegawai-pegawai yang berkenaan. Tetapi perkara ini dapat difahami kerana mungkin:-

- i. Petani tidak ada masa, jarak yang jauh dan perbelanjaan yang besar untuk mereka datang.
- ii. Dari segi psikologinya pula, masih terdapat perasaan 'rendah diri' dan 'takut' untuk pergi ke pejabat berjumpa dengan pegawai-pegawai Bank.

Diperengkat cawangan juga perkara seperti ini berlaku juga.

Ini mungkin juga disebabkan tidak terdapat banyak cawangan-cawangan Bank di tiap-tiap negeri. Masaalah jarak jauh ini merupakan masaalah yang besar.

Walau bagaimana pun Bank Pertanian sebagai ejensi pembangunan tidak seharusnya mempunyai sikap 'menunggu' sahaja. Jika petani tidak dapat datang ke pejabat, pegawai-pegawailah yang seharusnya keluar mendapatkan mereka. Seperti di Ibu Pejabat juga, cawangan-cawangan adalah bersikap 'menunggu' permohonan-permohonan dari petani-petani yang datang sendiri ke pejabat. Ini adalah berbeza dengan cara bank-bank perdagangan yang lain (e.g. Chartered Bank, Malayan Banking) dan lain-lain dimana pegawai-pegawai kredit luar bandar mereka pergi ke kampung-kampung memberi ceramah sambil mengenalkan konsep pembiayaan pertanian mereka kepada orang ramai.

Berikutan dengan sikap 'menunggu' ini sahaja, bukan sahaja aktiviti pembiayaan Bank Pertanian agak lembab tetapi aktiviti 'banking' yang lain seperti penyimpanan wang (Savings Deposit) juga ikut terjejas. Peminjam-peminjam dan orang ramai digalakkan menyimpan wang di Bank Pertanian tetapi adalah perkara yang menyulitkan juga jika tempat tinggal peminjam jauh dari cawangan Bank ini dan ia terpaksa berulang alik hanya untuk menguruskan soal-soal penyimpanan dan pengeluaran wang simpanannya sahaja.

Tingkatan Pelajaran Petani-Petani

Penulis tidak dapat membuat pengkajian satu persatu keatas

Walau pun dari segi 'pengalaman' sudah cukup untuk petani-petani tersebut menjalankan aktiviti pertaniannya, tetapi dengan adanya pemodenan dalam bidang pertanian dan keperluan Bank Pertanian supaya peminjam-peminjam menjalankan projek secara tradisional, penambahan ilmu 'pengetahuan' dibidang pertanian secara teori dan praktikal adalah penting. Umpamanya penggunaan dan campuran baja betul, penggunaan alat jentera dan lain-lain.

Dari segi memenuhi keperluan membuat pinjaman juga ada didapati petani-petani yang tidak memahami langsung borang-borang yang diberikan apatah lagi untuk membuat analisa untung rugi (profit and loss) projek dan anggaran. Untuk tiap-tiap pinjaman misalnya, permohonan-pemohon terpaksa mengisi 3 jenis borang. Borang-borang tersebut adalah seperti berikut:-

- a. BPM Borang 410.1 "Borang Permohonan".
- b. BPM Borang 410.6 "Penyata Kewangan".
- c. Sebagai tambahan kepada Borang Permohonan dan Penyata Kewangan, borang-borang berikut juga terpaksa di isi bagi tiap-tiap jenis pinjaman:-
 1. Pinjaman Pembelian Tanaman - BPM Borang 410.2
 2. Pinjaman Pembelian Tanah - BPM Borang 410.9
 3. Pinjaman Ternakan - BPM Borang 410.5
 4. Pinjaman Tanaman - BPM Borang 410.3

Selain dari borang-borang tersebut, terdapat juga 'rad-tape' lain di dalam perkhidmatan kredit di institusi ini (lihat Jadual) dan ini mungkin akan menjejaskan "effectiveness" perkhidmatan itu sendiri di kalangan rakyat terutama sekali petani-petani kecil.

semua peminjam dan pemohon dalam kategori petani kecil tetapi secara amnya gambaran mengenai status tingkatan pelajaran petani-petani dapat diperhatikan di dalam kajian yang dibuat oleh Kementerian Pertanian Dan Tanah.⁶ Dari kajian ini di dapati tingkatan kebolehan membaca (literacy) di luar bandar amat rendah terutama sekali di kalangan jenerasi tua. Cuma terdapat peratusan yang kecil petani-petani yang menamatkan persekolahan rendah mereka (5-6 tahun persekolahan). Hampir 40 peratus petani-petani yang mengambil peluang belajar di Sekolah Dewasa yang telah diadakan oleh kerajaan untuk membenteras buta huruf.

Jadual 13, Tingkat Pelajaran Pesawah Padi

Tingkatan Pelajaran	Kelantan (Kemubu)	Seberang Perai	Sungai Muda	Melaka	Hilir Perak	Selangor
Buta Huruf	63	11	43	26	43	24
Tidak menamatkan sekolah rendah	26	53	-	31	33	69
Tamat sekolah rendah	10	35	57	41	24	6
Tamat Sekolah Menengah	1	1	-	2	-	1
Jumlah	100	100	100	100	100	100

Sumber: A Preliminary Report On The Rice Industry
In West Malaysia,

Kementerian Pertanian Dan Tanah, K. Lumpur.
Oktober 1971.

Satu petikan dari rancangan pengarang dalam akhbar The Malay Mail, telah menengahkan masaalah ini:-

"... though the bank (Bank Pertanian) is doing a fine job of promoting sound agricultural practices, there is the add over sight which has a habit or eroding confidence. One such is advice from assessments of farm size and capital outlay to filling out loan application forms. At a farm leadership course in Ipoh last week, farmers, came with project study attached. This is apt to bewilder farmers, many of whom do not read or write,. These are people weaned on basic methods to whom economics of scale, capitalisation and the like are alien. They need advice and the Agricultural Bank, among other related institutions, is best placed to provide it. The bank does not exist to hand out loans but also to advice on cropping, labour utilisations. Choise of fertiliser and mechni-sation if need be.

.... much of the delay over data collecting and loan processing can be eliminated if minute details of procedure are ironed out. They usually cause the most frustration."⁷

⁷ Rencana Pengarang dalam The Malay Mail, Isnin bertajuk "Farmers Bank : A Good Job Done but... August 25. 1975.

KESIMPULAN DAN PENUTUP

Bank Pertanian adalah sebuah dari berbagai-bagai pertubuhan dan organasasi kewangan yang terdapat di Malaysia. Penubuhannya yang dibuat dalam bulan September 1969 adalah dirancang dan di taja oleh kerajaan dengan harapan dapat memudahkan aktiviti ekonomi sektor pertanian dijalankan. Tegasnya Bank Pertanian adalah mempunyai peranan langsung dan terpenting bagi petani-petani di negara ini.

Oleh itu adalah menjadi dasar Bank Pertanian ini untuk memumpukan perhatian dan aktiviti urusaniaganya kepada golongan petani-petani. Pada akhir tahun 1974, sebanyak \$37.4 juta telah diluluskan untuk memberikan bantuan kewangan bagi membiayai berbagai-bagai projek pertanian jangka pendek dan jangka panjang yang dikeluarkan. Jumlah petani-petani yang telah diberikan pinjaman hingga June 1975 ialah seramai 194,888 orang. Ini bererti pertambahan 191,764 petani-petani yang mendapat perkhidmatan pinjaman dibandingkan dengan tahun pertama (akhir 1970) perancangan Bank Pertanian ini.

Namun begitu, berdasarkan beberapa hal mengenai perjalanan urusniaganya seperti yang diterangkan dalam bab-bab lalu, ternyatalah ada berbagai-bagai masalaah yang timbul dalam menjalankan kegiatannya. Masalaah tersebut memang dihadapi oleh mana-mana institusi kewangan tetapi bagi Bank Pertanian, ianya adalah merupakan sesuatu masalaah yang unik. Ini lebih-lebih lagi kerana urusannya adalah dengan golongan petani-petani yang rata-ratanya adalah terdiri dari kalangan

masyarakat kelas bawahan negara ini. Pembiayaan kredit bank ini pula hanyalah kepada projek-projek yang berasaskan pertanian. Oleh kerana projek yang sebegini rupa mempunyai risiko-risiko yang tinggi, hasil dan pendapatan dari projek adalah terpulang kepada keadaan semasa projek ini berjalan. Secara tidak langsung, keadaan situasi inilah juga yang menentukan corak pembayaran kembali wang pinjaman, umpamanya jika terjadinya bencana alam, seperti kemarau, banjir dan serangan musuh-musuh pokok; kemungkinan tiada pembayaran balik pinjaman adalah besar.

Berbalik kepada soal pencapaian objektif untuk memberikan perkhidmatan yang lebih besar kepada petani-petani kecil, dari bab-bab yang telah disebutkan diatas; di dapati pencapaian kearah ini adalah jauh dari berjaya. Ini adalah kerana beberapa masaalah yang timbul bukan sahaja dari pihak petani-petani, tetapi dari pihak pengurusan Bank Pertanian juga.

Rumusan dan Cadangan Mengatasi Masaalah;

a. Masaalah Yang Timbul dalam pentadbiran Bank sendiri

Saperti yang telah diterangkan dalam bab III, masaalah ini lebih merupakan Kelambatan. Iaitu kelambatan memperoses sesuatu permohonan dan kelambatan untuk mengeluarkan wang walau pun permohonan telah diluluskan.

Jika dilihat dari rajah-rajah didapati walau pun pemohon membuat permohonan di Cawangan dan pegawai cawangan membuat penyiasatan diatas permohonannya, tetapi pengurus cawangan tidak ada kuasa untuk

meluluskan atau pun mengeluarkan wang sebagai pinjaman. Penglulusan dan pengeluaran wang hanya dibuat di Ibu Pejabat di Kuala Lumpur. Laporan penyiasatan oleh pegawai cawangan akan diulangkaji semula oleh pegawai di Ibu Pejabat. Apabila telah difikirkan sempurna barulah dihantar kepada Jawatankuasa Kajian Pinjaman.

Dari aliran yang sedemikian rupa tidaklah menghairankan jika sesuatu permohonan (walau pun berjumlah kecil) terpaksa menunggu beberapa waktu barulah mendapat jawapan. Yang menjadi masalah ialah kadang kala wang pinjaman dikehendaki dengan segera sebelum projek dapat dimulakan.

Untuk mengurangkan lagi kelambatan dari 'red tape' pengurusan, kuasa kepada pengurus cawangan untuk meluluskan permohonan yang menilainya terhad mungkin dapat mengurangkan masalah. Pengurus Bank Rakyat misalnya dibenar melulus dan mengeluarkan pinjaman tidak lebih dari \$5,000. Jawatan kuasa Kajian Pinjaman boleh diadakan di tiap-tiap cawangan untuk menilai tiap-tiap permohonan. Dengan asanya pemberian kuasa yang begini kepada pengurus-pengurus cawangan akan menaikkan lagi 'image' mereka setanding dengan pengurus bank-bank lain. Jika pemberian kuasa ini dapat diberikan kemungkinan masalah kelambatan akan dapat diberantas.

b. Masalah Pembayaran balik Wang Pinjaman

Kadang kala didapati susah hendak mendapatkan pembayaran balik dari peminjam-peminjam dari satu 'cycle' pengeluaran. Ada kalanya juga hasil dari projek tidak seberapa sebagaimana yang di-

jangkakan. Untuk mengurangkan sedikit masaaalah ini ada dicadangkan pembayaran balik secara menjual terus hasil projek kepada Bank Pertanian tetapi cara ini didapati tidaklah sesuai. Bila berlaku bencana alam umpamanya pengeluaran petani akan terganggu dan ini melibatkan ketidak licinan pembayaran balik wang pinjaman.

Dalam hal ini penyiasatan dan pengawasan yang pesat dari pegawai-pegawai di Cawangan adalah diperlukan. Antaranya ia haruslah tahu bila masa kejadian bencana alam selalunya terjadi, yang biasanya bermusim supaya masa pengeluaran tidak serentak dengan bencana ini. Pegawai-pegawai hendaklah memberikan nasihat-nasihat yang perlu.

Corak Perkhidmatan Di cawangan

Saperti yang telah diperhatikan, tidak terdapat interaksi yang rapat diantara pegawai-pegawai bank dicawangan den an peminjam atau pun petani-petani lain yang mungkin menjadi bakal peminjam. Kebanyakan dari pegawai-pegawai tersebut adalah 'orang Luar' dan kemungkinan mereka merasa canggung untuk bercampur dengan orang-orang di kawasan itu.

Walau bagaimana pun jika Bank Pertanian ingin melihat lebih banyak lagi petani-petani mengambil bahagian di dalam aktibiti kreditnya, pendekatan yng sewajar haruslah dibuat terutama sekali diantara pegawai-pegawai dengan petani-petani tempatan. Cara 'menunggu' bakal peminjam dan mengiklankan kemunculan Bank Pertanian di akhbar-akhbar atau melalui 'masa media' yang lain tidaklah akan dapat memberikan hasil yang benar-benar positif. Oleh kerana kekurangan dari segi latar belakang pendidikan petani-petani itu sendiri, Pegawai-pegawai Bank Pertanian boleh bergaul lebih rapat lagi dengan cara memberikan ceramah atau

penerangan-penerangan di balai-balai raya surau-surau dan masjid serta juga sekolah. Sementara itu, 'unit bergerak' (mobile unit) Bank juga akan juga dapat menolong meluaskan lagi aktiviti 'banking' yang lain.

Di pihak petani-petani kecil pula segala masalah yang telah di terangkan lebeh merupakan masalah sosio-ekonomi. Diantaranya seperti petani kurang pengalaman dalam menjalankan projek, pinjaman dan projek terlalu kecil, ketiadaan tanah; cagaran yang tidak mencukupi dan juga ketiadaan pasaran hasil yang tetap. Memang didapati sukar dan perbelanjaan yang tinggi bagi pihak Bank Pertanian jika membiayai sesuatu projek yang kecil dan pelanggannya yang rendah. Tetapi masalah ini dapat dikurangkan jika diadakan satu skim pembayaran secara kelompok (block financing). Apa yang hendak dicadangkan ialah pembiayaan akan hanya diberikan bukan kepada individu tetapi kepada umpamanya 10-20 orang petani-petani kecil disesuatu kawasan. Mereka hendaklah menjadi penjamin antara satu sama lain iaitu jika salah seorang dari mereka cuba menyeleweng ahli-ahli yang lain akan dikenakan tindakan. Dengan cara 'block financing' ini bukan sahaja mengajjar pengurusan pembiayaan akan dapat dikurangkan, malahan pihak Bank akan lebeh senang menjalankan pengawasan. Kemungkinan dengan adanya pengeluaran yang lebeh banyak ini berbanding dengan secara individu, harga pasaran akan dapat distabilkan. Cara ini lebeh mudah dijalankan diluar bandar kerana para petani dan masyarakat kampung adalah mempunyai pertalian rapat antara satu sama lain, menjalankan pertanian secara bergotong royong dan berkongsi ini memang telah lama dijalankan. Mungkin pandangan petani individu terhadap

...%/-

ejensi kerajaan ini adalah seperti lama iaitu boleh diambil mudah sahaja, tetapi jika dengan penyelewangannya itu akan menyusahkan petani-petani lain; ia akan berfikir dua kali sebelum melakukan penyelewangan kerja bukan sahaja tindakan undang-undang akan diambil, bahkan tindakan dari masyarakat kampung seperti kena pulaukan adalah lebih berat lagi dari tindakan mahkamah. Ini adalah satu kebaikan dari rancangan pembiayaan secara berkelompok ini.

PENUTUP

Dalam kajian ini tumpuan perbincangan dibuat mengenai struktur dan perkembangan serta hubungan Bank Pertanian, sebagai satu institusi kewangan; dengan gulungan petani yang menjadi kumpulan pelanggannya yang utama.

Sebagai kesimpulannya didapati bahawa Bank Pertanian Malaysia belum lagi dapat dianggap mencapai objektifnya untuk menjalankan pembiayaan yang pesat terhadap petani-petani kecil. Ini adalah kerana kedua-dua masalaah yang timbul dari situasi Bank dan juga petani-petani sendiri. Masalaah dari segi pembiayaan dan masalaah sosio-ekonomi adalah sama pentingnya untuk diatasi kerana pembiayaan akan hanya dapat diberikan jika keadaan sosio-ekonomi pemohon adalah baik. Tanpa sosio-ekonomi yang baik projek ini tidak dapat berjalan dengan lancar, dan sekiranya masalaah ini tidak dapat diatasi objektif Bank Pertanian untuk meninggikan lagi taraf pertanian terutama sekali bagi kehidupan petani-petani kecil susah hendak dicapai.

BIBLIOGRAFI.

1. Abdul Aziz Mohammad, Perancangan Penanaman Padi dalam Konteks Pembangunan, Latihan ilmiah dalam Jabatan Anthroploji dan sicioloji, sessi 74/75, Universiti Malaya, K.L.
2. Afiffuddin Hj. Umar, Some Aspects of The Socio-Economics Value System of The Muda Rice Farmers, dalam Development Perspectives, MADA Publication, Alor Star, Kedah, No. 24. August 1973.
3. Affifuddin Hj. Umar, The Commercial Farming, Behaviour and Attitudes of Farmers, dalam The Muda Scheme, M.A.D.A. Pub. 21 Feb.1973.
4. Agarwal, M.C. Rural Cooperatives Credit, A Malaysian Case Study, (KEM. Vol II No. 2 Dec. 1965.
5. Arthru Paul, Credit Role in Agricultural Development in Asia, Review of Agricultural Economics Malaysia, FAMA. Vol I No. 2 Dec. 1968.
6. Aziz, U.A. Some Aspects of The Malayan Rural Economy Related to Measure for Mobilizing Rural Saving, Jabatan Ekonomi, Universiti Malaya, 1958.
7. Aziz, U.A. The Interdependent Development of Agricultural and Other Countries. MER. Vol IV No. 1 April, 1959.
8. Barter, P.G.H. Problems of Agricultural Development (Food and Agricultural Organization of the United Nations, Geneva, Librarie 1966.
9. Berube, L.J. Fish, Marketing Problems, Report on Economics Survey and Study, 1967. Kementerian Pertanian dan Kerjasama, Malaysia.
10. Binus, Sir Bernard. Agricultural Credit For Small Farmers, (F.A.O. Development Paper No. 16. F.A.O. ROME).
11. Firth, Raymond & Yamey (ed). Capital, Survey, Credit in Peasant Societies, G. Allen & Unwin, London, 1964.
12. Habibah Sulaiman. Agricultural Bank, Challenge for Rural Credit, Latihan ilmiah, sessi 70/71, Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran, Universiti Malaya.

13. Long, Millard. Small Farmers Credit Analytical Papers, A.I.D. Spring Review of Small Farmers Credit, Vol XIX, Washington D.C. June 1973.
14. Muthukumar E. Economics Survey of The Coconut Growing Industry, F.A.O. 1968.
15. Redfield, Robert. Peasant Society and Culture. The University of Chicago. Press 1956.
16. Selvadurai, S. Socio Economics Surver of Rubber Smallholding in West Johore. Kementerian Pertanian dan Perikanan n. Kuala Lumpur, Disember 1972.
17. Parkinson, Brian K. Non Economics Factors In Retardation of Malays. Dalam Modern Asian Studies, Vol 1, No 1. June 1967.
18. Yahya bin Hj. Talib. A Study of Kampong Pancur Fishermen Cooperative Marketing and Credit Limited. July 1959.
19. Wharton. (Jr) C.R. Marketing, Mechandising and Money, Lending, A Note on Midelemen Monopsony in Malaya. Malayan Economics Review. Vol VII. October 1962.

Risalan dan Lapuran Kerajaan.

1. Akta Bank Pertanian Malaysia, dalam Undang-undang Malaysia Akta 9, 1969. diterbitkan oleh Siaranakbar, Jabatan Penerangan Malaysia, 21. Oktober, 1969.
2. An Economics Survey Of Pineapple Small Holding in Pontian, Johore. diterbitkan oleh Kementerian Pertanian dan kerjasama Malaysia. April, 1968.
3. Agricultural Credit Survey on Padi Procedures in The Muda River Irrigation Project Area. Diterbitkan oleh FAMA dan Bank Negara, Sept. 1968.
4. A. Preliminary Report on the Rice Industry In West Malaysia. Diterbitkan oleh Kementerian Pertanian dan Tanah, Kuala Lumpur, Oktober, 1971.
5. Coffe Marketing Survey in Kuala Langat, Kajian oleh FAMA dengan Fakulti Pertanian Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Mei, 1968.
6. Problem of Rural Poverty in Malaysia Analysis and Recommendation, Lapuran oleh A Minor of the F.A.O. World Bank Cooperatives Programme. Disember 1974.

Akhbar:

1. Berita Harian, The Straits Times Press, Feb, 1975.
2. The Malay Mail.
3. The Straits Times